

l e a v i n g
n o n e
b e h i n d

Panduan
Praktikal
untuk
Orang Asal

Bahasa
Malaysia

Asia
Indigenous
Peoples
Pact



l e a v i n g
n o o n e
b e h i n d



Panduan Praktikal untuk Orang Asal

Asia Indigenous Peoples Pact (AIPP)



LEAVING NO ONE BEHIND

Panduan Praktikal untuk Orang Asal

© Asia Indigenous Peoples Pact (AIPP) Foundation, 2017

Kandungan terbitan ini boleh diterbitkan semula dan diagihkan untuk kegunaan bukan-komersil dengan syarat kebenaran AIPP diperolehi dan para pengarang diiktiraf sebagai sumber..

Pengarang:

Birgitte Feiring, Louise Nolle, Joan Carling dan Patricia Wattimena

Penerbit:

Asia Indigenous Peoples Pact (AIPP) Foundation

112 Moo 1, Tambon Sanphranate, Amphur Sansai

Chiang Mai 50210 THAILAND

Tel: +66 (0)53 343 539

Website: www.aippnet.org

Disokong oleh:

International Work Group for Indigenous Affairs



Susun atur: AIPP

Pencetak: AIPP Printing Press Co. Ltd.

ISBN: 978-616-7898-30-8

SINGKATAN	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGENALAN	1
1. LATARBELAKAN TENTANG PEMBANGUNAN LESTARI	3
1.1. Hak Asasi Manusia	4
1.2. Kemapanan Alam Sekitar	5
1.3. Pembangunan Insan	8
1.4. Penglibatan Orang Asal dengan Agenda 2030	10
2. CIRI-CIRI AM AGENDA PEMBANGUNAN LESTARI 2030	13
2.1. Agenda Yang Sejagat	14
2.2. Tiada Sesiapa Ditinggalkan	14
2.3. Sebutan Khusus Berkenaan Orang Asal dalam Agenda 2030	17
3. 17 MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI	18
3.1. Kaitan Matlamat-Matlamat Tersebut bagi Orang Asal	18
3.2. Membuat Pembangunan Lestari berdasarkan Hak Orang Asal	27
4. PENANDA DAN DATA	30
4.1. Kepentingan Penanda-Penanda Global	31
4.2. Penanda-Penanda Nasional Pelengkap	32
4.3. Kekurangan Data dan Kapasiti Pejabat-pejabat Bancian Nasional	33
4.4. Pengumpulan Data oleh Orang Asal	35
5. SUSULAN DAN SEMAKAN	36
5.1. Prinsip-prinsip Mekanisma Susulan dan Semakan	37
5.2. Proses-proses Susulan dan Semakan Nasional	40
5.3. Proses-proses Susulan dan Semakan Serantau	42
5.4. Proses-proses Global	47
RUJUKAN DAN BACAAN LANJUT	51
LAMPIRAN	53

Singkatan

AIPP	Asia Indigenous Peoples Pact
AP-RCEM	Asia-Pacific Regional CSO Engagement Mechanism (<i>Mekanisma Penglibatan CSO Rantau Asia-Pasifik</i>)
EMRIP	Expert Mechanism on the Rights of Indigenous Peoples (<i>Mekanisma Pakar bagi Hak-hak Orang Asal</i>)
ESCAP	The UN Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (<i>Komisi Ekonomi dan Sosial PBB untuk Asia dan Pasifik</i>)
FPIC	Free, Prior and Informed Consent (<i>Keizinan berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus</i>)
FUR	Follow-Up and Review (<i>Susulan dan Semakan</i>)
HLPF	High Level Political Forum (<i>Forum Politik Peringkat Tinggi</i>)
HRBA	Human Rights-Based Approach (<i>Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia</i>)
IPMG	Indigenous Peoples Major Group (<i>Kumpulan Utama Orang Asal</i>)
MDGs	Millennium Development Goals (<i>Matlamat-matlamat Pembangunan Milenium</i>)
Mol	Means of Implementation (<i>Cara-cara Perlaksanaan</i>)
NSOs	National Statistical Offices (<i>Pejabat-pejabat Bancian Nasional</i>)
SDGs	Sustainable Development Goals (<i>Matlamat-matlamat Pembangunan Lestari</i>)
UNDRIP	UN Declaration on the Rights of Indigenous Peoples (<i>Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Asal</i>)
UNPFII	UN Permanent Forum on Indigenous Issues (<i>Forum Kekal PBB berkenaan Isu-isu Orang Asal</i>)
VNR	Voluntary National Review (<i>Semakan Nasional Sukarela</i>)
WCIP	World Conference on Indigenous Peoples (<i>Persidangan Dunia berkenaan Orang Asal</i>)


Penghargaan

Objektif utama panduan praktikal ini adalah untuk memberi maklumat asas kepada orang asal berkenaan Agenda Pembangunan Lestari 2030 dalam bentuk yang mudah dan senang difahami. Panduan ini juga memberi panduan konkrit bagaimana orang asal boleh melibatkan diri dalam proses-proses Agenda 2030 dari peringkat nasional sehingga global.

Objektif terbitan ini tidak mungkin tercapai tanpa Birgitte Feiring, Louise Nolle, Joan Carling dan Patricia Wattimena yang telah memberi usaha mereka untuk mewujudkan dokumen penting ini. Begitu juga dengan sokongan penuh sekretariat AIPP yang telah menyumbang kepada penyempurnaan panduan ini. Oleh itu, saya ingin mengucapkan penghargaan ikhlas saya kepada semua yang terlibat. Kita, sebagai AIPP, juga ingin mengucapkan terima kasih kepada International Work Group for Indigenous Affairs (IWGIA) untuk sokongan murah hati serta berterusan mereka, yang membolehkan terbitan ini wujud.

Panduan praktikal ini dengan ikhlasnya didedikasikan kepada 370 juta orang asal seluruh dunia, yang hidupnya menghadapi risiko, yang hidupnya akan lebih terancam jika pelaksanaan Agenda Pembangunan Lestari 2030 tidak dilakukan dengan semangat untuk mereliasasikan hak orang asal seperti termaktub dalam Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Asal (UNDRIP).

Kami dengan ikhlas berharap bahawa panduan praktikal ini akan menyumbang kepada usaha semua pemegang taruh dan meningkatkan kesedaran serta memperkasakan orang asal, khususnya wanita, belia dan orang kurang upaya orang asal, di Asia dan seluruh dunia.



Gam Awungshi Shimray
*Setiausaha Agung
Asia Indigenous Peoples Pact*



SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

17 GOALS TO TRANSFORM OUR WORLD

1 NO POVERTY



2 ZERO HUNGER



3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING



4 QUALITY EDUCATION




5 GENDER EQUALITY



6 CLEAN WATER AND SANITATION



7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY



8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH



9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE



10 REDUCED INEQUALITIES



11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES



12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION



13 CLIMATE ACTION



14 LIFE BELOW WATER



15 LIFE ON LAND




16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS



17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS



SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



Pengenalan

Orang asal mempunyai hubungan budaya yang kuat kepada tanah, hutan dan kawasan perairan, yang membentuk asas identiti, kebudayaan dan cara hidup mereka. Melalui kepelbagaian cara hidup mereka, sistem pengetahuan mereka, pengurusan sumber yang mapan dan amalan pemuliharaan mereka, orang asal menyumbang kepada pembangunan lestari. Tetapi, diskriminasi terhadap orang asal yang sudah lama berlaku, menyebabkan mereka kehilangan tanah dan telah menghadkan capaian mereka kepada sumber semulajadi, pendidikan dan kesihatan, penglibatan politik, sistem keadilan dan banyak lagi hak-hak asasi. Oleh itu, mereka selalunya antara yang paling miskin dan terpinggir.

Dalam konteks ini, orang asal menuntut penghormatan, pengiktirafan dan perlindungan hak mereka kepada pembangunan yang ditentukan sendiri, serta hak kepada tanah, wilayah dan sumber-sumber mereka. Khidmat am (yang bersesuaian dengan budaya mereka) seperti pendidikan dan kesihatan, peluang pekerjaan dan sara hidup yang adil, dan infrastruktur dan teknologi juga penting bagi aspirasi orang asal untuk pembangunan yang ditentukan sendiri.

Pada tahun 2015, pemimpin-pemimpin dunia telah menerima **Agenda Pembangunan Lestari 2030**. Agenda ini terdiri daripada **17 Matlamat Pembangunan Lestari** (SDG) dan 169 sasaran berkaitan. SDG-SDG tersebut hendaklah dicapai menjelang tahun 2030.

Agenda 2030 mencerminkan visi masa depan yang bercita-cita tinggi, dengan penekanan bahawa tiada sesiapa yang ditinggalkan. Ia adalah

agenda transformatif yang memerlukan perubahan pada setiap peringkat, untuk memastikan ia menjadi realiti di semua negara dan bagi semua orang.

Hasil yang muktamad akan bergantung dengan bagaimana Agenda ini dilaksanakan pada peringkat nasional dan tempatan. Kalau pelaksanaan tersebut menyumbang kepada pencapaian hak orang asal, seperti termaktub dalam **Deklerasi PBB berkenaan Hak Orang Asal**, ia akan membantu mengatasi diskriminasi yang kini terhadap orang asal. Sebaliknya, jika usaha untuk mencapai Agenda tersebut mengabaikan aspirasi dan hak orang asal, ia akan lagi meminggirkan orang asal serta menggugat kesejahteraan mereka.

Jika Agenda 2030 ingin menengani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh orang asal, ada tiga aspek penting yang perlu dipertimbangkan:

- Orang asal mestilah **dilindungi daripada kesan negatif** arus pembangunan am, yang mungkin menggugat hak dan kesejahteraan mereka;
- Orang asal mempunyai hak untuk **terlibat sepenuhnya dan mendapat manfaat** daripada usaha pembangunan secara am;
- Hak orang asal kepada **pembangunan ditentukan-sendiri** mestilah disokong.

Panduan praktikal ini bertujuan untuk memberi orang asal maklumat asas berkenaan Agenda Pembangunan Lestari 2030, latar belakangnya dan kaitannya kepada hak dan aspirasi orang asal, serta peluang dan cabaran yang dibawanya. Selanjutnya, Panduan ini akan memberi panduan praktikal bagaimana orang asal boleh terlibat dalam proses pembangunan lestari agar dapat menegaskan serta mencapai hak mereka kepada pembangunan ditentukan sendiri, dan untuk menyumbang kepada pembangunan lestari untuk semua.

Panduan ini juga memberi bahan rujukan serta pautan kepada terbitan serta bahan-bahan lain yang berkaitan dengan pembangunan lestari dan orang asal bagi mereka yang ingin mengaji lebih lanjut berkenaan isu-isu khusus.



1. Latarbelakang berkenaan Pembangunan Lestari

Terma **pembangunan lestari** pertama kali digunakan pada 1987, dalam sebuah laporan bertajuk 'Our Common Future' ('Masa Depan Kita Bersama'). Laporan ini menerangkan bahawa pembangunan lestari "memenuhi keperluan semasa tanpa menggugat keupayaan generasi masa hadapan untuk memenuhi keperluan mereka"¹.

Dengan itu, pembangunan lestari mengiktiraf bahawa adanya **had alam sekitar** keatas aktiviti manusia di planet ini dan pembangunan lestari perlu merangkumi **sudut alam sekitar, ekonomi dan sosial** secara holistik, untuk memastikan masa depan kita bersama. Tiga aspek ini dikenali sebagai **tiga tiang pembangunan lestari**.

Aspek-aspek ini juga mencerminkan visi holistik orang asal terhadap pembangunan, yang sememangnya menekankan kemapanan alam sekitar bersama dengan pembangunan sosial dan ekonomi, semuanya dalam rangka hak asasi manusia. Oleh itu, penglibatan orang asal dalam perbincangan berkenaan hak asasi manusia, kemapanan alam sekitar, pembangunan insan telah menyumbang kepada pemahaman kini kita tentang pembangunan lestari, sepertimana yang akan diterangkan bab-bab berikut.

¹ Our Common Future: Report of the World Commission on Environment and Development (the Brundtland Commission), para. 27: <http://www.un-documents.net/our-common-future.pdf>

1.1. Hak asasi manusia

Sepanjang sejarah, orang asal telah berjuang terhadap cabaran kolonisasi dan pembangunan untuk menengani peminggiran dan mengekalkan hak penentuan diri mereka serta hak mereka kepada tanah, wilayah dan sumber - sumber. Sejak 1960-an, orang asal telah membawa perjuangan ini kepada Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengadvokasi pengiktirafan hak-hak mereka. Perjuangan orang asal dalam rangka hak asasi manusia telah membuahkan hasil-hasil tersebut:

- Penubuhan **Forum Kekal PBB berkenaan Isu-isu Orang Asal** (UNPFII) pada 2000;
- Pelantikan **Pelapor Khas PBB berkenaan Hak Orang Asal** pada 2001;
- Penubuhan **Mekanisme Pakar berkenaan Hak Orang Asal** (EMRIP) pada 2007;
- Penerimaan **Deklerasi PBB berkenaan Hak Orang Asal** (UNDRIP) pada 2007;
- Penerbitan Dokumen Hasil **Persidangan Dunia PBB berkenaan Orang Asal** (WCIP) pada 2014 bagi pelaksanaan UNDRIP pada peringkat nasional.

Dengan penerimaan UNDRIP pada 2007, kerajaan-kerajaan negara dan orang asal kini mempunyai **rangka yang menyeluruh dan sejagat** yang menerangkan hak orang asal bagi tiga aspek pembangunan lestari yang disebut. Lebih lagi, UNPFII, EMRIP dan Pelapor Khas tersebut, merupakan mekanisma PBB khas, yang dapat memberi panduan serta memantau perkembangan hak orang asal dan pembangunan lestari. Selain itu, **mekanisma-mekanisma pemantauan hak asasi manusia** yang lain, termasuklah Semakan Sejangat Berkala (Universal Periodic Review), badan pemantau serta prosedur khas perjanjian antarabangsa, dan badan penyeliaan ILO semakin kerap menekankan hak orang asal. Ini menunjukkan bahawa institusi-institusi dan mekanisma-mekanisma ini mempunyai potensi yang besar untuk memantau dan

memberi panduan untuk usaha pembangunan yang selaras dengan hak orang asal. Kerajaan-kerajaan negara juga menyumbang kepada pembangunan lestari dengan komitmen-komitmen mereka di WCIP.

Semua di atas mengesahkan kepentingan hak orang asal kepada pembangunan dan hak asasi manusia. Ini juga memberi kebenaran dan kewajipan sistem PBB untuk membawa, ke arus perdana, perhatian tentang orang asal, dari segi pembangunan lestari, kepada seluruh PBB.

1.2. Kemapanan alam sekitar

Pada 1992, konsep pembangunan lestari dibincangkan pada **Persidangan Bumi** di Rio.

Dari awal lagi, penglibatan orang asal berkenaan pembangunan lestari pada masa itu sangat aktif dan mereka menjadi komponen penting. Pada 1992, orang asal mengadakan persidangan mereka sendiri dan telah menerima **Deklarasi Kari-Oca** bersama **Piagam Bumi Orang Asal**, yang menekankan hubungan orang asal yang istimewa dengan Bumi.

Deklarasi Kari-Oca menyatakan: *“Kami terus mempertahankan hak kami sebagai orang asal walaupun beratus tahun telah mengalami pelucutan, asimilasi, dan penghapusan. Kami mempertahankan hak tetap kami kepada tanah dan wilayah kami, serta kepada sumber-sumber kami - sama ada di atas atau di bawah - serta kepada perairan kami. Kami menegaskan tanggungjawab berterusan kami untuk mewariskan perkara-perkara di atas kepada generasi akan datang. Kami tidak boleh dibuang dari tanah kami. Kami, Orang Asal, mempunyai hubungan dengan kitaran hidup tanah dan alam kami. Kami, Orang Asal, menuju ke masa depan berpandukan tapak-kaki yang ditinggalkan oleh nenek moyang kami.”* (Sila lihat teks penuh Deklarasi Kari-Oca disini: <http://www.dialoguebetweennations.com/IR/english/Kari-OcaKimberley/KOEarthCharter.html>)

Persidangan Bumi 1992 selesai dengan penerimaan **Konvensyen tentang Biodiversiti (CBD)**, **Rangka PBB untuk Menangani Perubahan Iklim** dan **Konsensyen PBB untuk Menangani Perebakan Gurun**², serta **Agenda 21**³.

Agenda 21 mendedikasikan keseluruhan **Bab 26** untuk “*Mengiktiraf dan memperkasakan peranan orang asal dan komuniti-komuniti mereka*”. Ia mengiktiraf hubungan bersejarah orang asal dengan tanah mereka serta pengetahuan saintifik tradisi mereka yang menyeluruh tentang tanah, sumber semulajadi dan alam sekitar mereka, lalu merumuskan: “*Atas sebab hubungkait antara alam sekitar serta pembangunannya secara lestari dengan kesejahteraan budaya, sosial, ekonomi dan fizikal orang asal, usaha untuk melaksanakan pembangunan yang lestari dan bersesuaian alam sekitar pada peringkat nasional dan atarabangsa haruslah mengiktiraf, memberi ruang, memprosmosikan dan memperkasa peranan orang asal dan komuniti-komuniti mereka*”.⁴

Agenda 21 juga mengenalpasti sembilan “**Kumpulan Utama**” dari masyarakat sivil, di mana penglibatannya adalah “*kritikal kepada pelaksanaan berkesan*” Agenda tersebut⁵. Orang asal merupakan satu daripada Kumpulan Utama ini. Pengiktirafan orang asal sebagai Kumpulan Utama telah memberi orang asal penglibatan yang berterusan sejak itu dalam semua perbincangan dan proses-proses berkenaan dengan pembangunan lestari, termasuklah perbincangan yang membawa kepada penerimaan Agenda 2030.

² Lihat konvensyen tersebut disini: <http://www2.unccd.int/convention/about-convention>

³ Agenda 21: UN Conference on Environment and Development, 1992: <https://sustainabledevelopment.un.org/content/documents/Agenda21.pdf>

⁴ Ibid: para. 26.1

⁵ Ibid: para. 23.1

Penglibatan dan advokasi berkekalan orang asal

Kumpulan Utama Orang Asal (IPMG) menglibatkan diri secara aktif dalam proses-proses antarabangsa dan juga beberapa proses peringkat rantau berkenaan dengan pembangunan lestari. IPMG ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin orang asal dari pelbagai tempat.

Forum Antarabangsa Orang Asal tentang Biodiversiti (IIFB) mengikuti proses-proses dalam Konvensyen tentang Biodiversiti dan, secara khusus, isu-isu berkenaan Fasal 8(j) Konvensyen tersebut yang berkaitan dengan pengetahuan tradisi, inovasi dan amalan, serta Fasal 10(c) yang berkaitan dengan penggunaan sumber biologiikal secara adat (Sila lihat pautan orang asal: <http://iifb.indigenouportal.com>)

Forum Antarabangsa Orang Asal berkenaan Perubahan Iklim (IIPFCC) merupakan sebuah forum untuk penyelarasan dan penglibatan berterusan dalam proses-proses dibawah Rangka PBB bagi Konsenyen berkenaan Perubahan Iklim (UNFCCC) (Sila lihat IIPFCC untuk maklumat Lanjut: <http://www.iipfcc.org>)

Forum-forum antarabangsa di atas adalah persekutuan-persekutuan antara-rantau orang asal yang membawa suara, kembimbangan, keutamaan dan cadangan-cadangan organisasi-organisasi orang asal pada peringkat sub-nasional, nasional dan rantau kepada peringkat antarabangsa. Persekutuan-persekutuan tersebut berkesan dalam mempengaruhi dan menyumbang kepada proses serta agenda antarabangsa yang rumit, walaupun dengan sumber terhad, cabaran budaya dan bahasa serta halangan institusi dan teknikal.

1.3. Pembangunan insan

Pada 2001, PBB telah menerima 8 Matlamat-matlamat Pembangunan Milenium (MDG). MDG tersebut haruslah dicapai oleh negara-negara membangun menjelang 2015.



Dengan menetapkan matlamat-matlamat yang bernas serta berhad masa, dan menggerakkan sokongan sumber dan politik untuk mencapainya, MDG tersebut telah membuahkan beberapa **pencapaian penting**:

- Pengurangan miskin tegar (ditentukan sebagai orang yang hidup dengan kos 1.25 \$ sehari);
- Pengurangan kadar bilangan orang yang tidak cukup khasiat;
- Keseimbangan gender yang lebih baik dalam pendidikan sekolah rendah, disebabkan kemasukan kanak-kanak perempuan bertambah;
- Kadar kesihatan wanita mengandung dan bayi bertambah baik;
- Capaian kepada air minum bertambah baik ;
- Peningkatan kawasan terjaga atas darat dan laut .

MDG juga mempunyai beberapa **cabaran dan kekurangan** berkenaan orang asal.

- MDG ditentukan tanpa konsultasi awam dan penglibatan masyarakat sivil, termasuklah orang asal;

- Penekanan lebih kepada perkembangan ekonomi daripada keamanan alam sekitar dan kesaksamaan sosial;
- Orang asal tidak disebut langsung dalam mana-mana matlamat, sasaran atau petanda;
- MDG tidak menengani trend pembangunan dan punca-punca sedia ada yang menyebabkan kemiskinan yang memberi kesan kepada orang asal, contohnya berkenaan hak tanah;
- MDG hanya memberi tumpuan kepada negara-negara maju, maka tidak menghiraukan situasi terpinggir orang asal di negara-negara membangun;
- Strategi-strategi untuk mencapai MDG tidak mencerminkan keutamaan dan hak orang asal;
- Dalam kebanyakan negara, orang asal tidak dilibatkan dalam pembangunan, pelaksanaan dan susulan aktiviti berkaitan dengan MDG.

Hasilnya, orang asal tidak mendapat manfaat yang seimbang dan jurang antara sektor orang asal dan bukan orang asal tidak dapat ditutup.⁶

Vietnam secara am mencapai pencapaian yang besar dalam pelaksanaan MDG, tetapi orang asal (dikenali sebagai minoriti etnik) masih lagi ketinggalan. Mereka adalah 14% populasi negara tersebut tetapi 56% keluarga miskin. Pendapatan purata orang asal adalah hanya 16% purata pendapatan populasi am.⁷ Orang asal menghadapi cabaran untuk memperolehi khidmat asas, seperti kesihatan, air bersih dan pendidikan, dan kadar kematian kanak-kanak serta bayi tidak cukup berat adalah dua kali ganda dibandingkan dengan rakyat yang dominan.⁸

⁶ State of the World's Indigenous Peoples, UNPFII, 2009, p. 41

⁷ Bab berkenaan Vietnam dalam Indigenous World, IWGIA 2016

⁸ UNDP (2015): Improve ethnic minority lives and narrow development gap: <http://www.vn.undp.org/content/vietnam/en/home/presscenter/articles/2015/01/29/improve-ethnic-minority-lives-and-narrow-development-gap.html>

Secara amnya, hak asasi manusia, demokrasi dan pentadbiran baik tidak diintegrasikan dengan baik dalam MDG. Terdapat secara am kurang perhatian kepada ketidakadilan dan diskriminasi yang dihadapi oleh orang asal. MDG telah dikritik kerana tidak mengambil kira pandangan dan aspirasi orang asal untuk pembangunan.

Pelbagai kajian serta kenyataan daripada organisasi-organisasi orang asal, masyarakat sivil dan agensi PBB menunjukkan keperluan untuk penglibatan penuh orang asal dalam perekaan, pelaksanaan serta pemantauan program dan aktiviti berkaitan dengan MDG.⁹

Kegagalan MDG untuk merangkumi mereka yang “paling ketinggalan”, termasuklah orang asal, merupakan pengajaran penting yang dibawa ke hadapan dalam perbincangan tentang Agenda bagi Pembangunan Lestari 2030.

1.4. Penglibatan Orang Asal dalam Agenda 2030

Beberapa tahun sebelum MDG tamat tempoh, PBB telah mengadakan satu siri proses konsultasi yang am dan menyeluruh untuk menentukan visi global bagi “rangka pembangunan selepas 2015”. Perbincangan terakhir Agenda 2030 mengambil tempat dalam sebuah Kumpulan Kerja Terbuka antara-kerajaan yang istimewa dengan penglibatan sembilan Kumpulan Utama dan pemegang taruh yang lain. Kumpulan Utama Orang Asal (IPMG), telah terlibat dengan aktif dalam proses konsultasi ini.

IPMG menyelaras penglibatan pemimpin-pemimpin dan wakil orang asal dari pelbagai tempat dalam mesyuarat-mesyuarat PBB yang penting serta berinteraksi dan membina persekutuan dengan negara-negara serta Kumpulan Utama yang lain. IPMG mengadvokasi untuk kemasukan keutamaan dan hak-hak orang asal, dengan penekanan khas bagi hak tanah, pekerjaan tradisi, Izin berasaskan Makluman

⁹ Indigenous Peoples and the MDGs, UNPFII: <https://www.un.org/development/desa/indigenouspeoples/focus-areas/post-2015-agenda/the-sustainable-development-goals-sdgs-and-indigenous/mdgs.html>

Awal, Bebas dan Telus (FPIC), pendidikan bersesuaian, kesihatan, prinsip tiada diskriminasi, penglibatan, institusi telus dan capaian kepada sistem keadilan.

Dokumen Alta mengenalpasti bahagian-bahagian penting yang memerlukan tumpuan dalam Agenda 2030

Pada Jun 2013, **Persidangan Persediaan Antarabangsa Orang Asal** yang bersejarah telah berlangsung di Alta, Norway. Ia membawa bersama orang asal dari seluruh dunia, dan telah menerima **Dokumen Hasil Alta**, yang mengandungi kenyataan-kenyataan penting yang ingin dikemukakan oleh orang asal ke **Persidangan Dunia PBB berkenaan Orang Asal** (WCIP). Dokumen Hasil Alta mencerminkan keutamaan-keutamaan orang asal untuk pembangunan, yang berasaskan hak kepada tanah, wilayah dan sumber serta hak orang asal kepada Izin berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus dalam proses pembangunan. Dokumen tersebut menegaskan kepentingan adat, sistem kepercayaan, nilai-nilai, bahasa, budaya dan pengetahuan tradisi bagi pembangunan. Ia juga mencadangkan bahawa hak-hak, budaya dan nilai rohani dimasukkan dalam Agenda Pembangunan selepas-2015.


WCIP berlangsung pada September 2014. Hasilnya adalah Dokumen Hasil WCIP yang berasaskan Dokumen Alta serta perbincangan-perbincangan semasa WCIP. Oleh sebab ia diterima satu tahun sebelum Agenda 2030, ia mengenalpasti elemen-elemen dan komitmen penting untuk memastikan pembangunan lestari bagi orang asal.

Pada September 2015, Agenda Pembangunan Lestari 2030 akhirnya diterima. Ia bukan sahaja menyambung dan memperluaskan MDG, tetapi ia juga merupakan sebuah agenda pembangunan perintis yang menyeluruh dan bercita-cita tinggi, dengan membawa bersama:

- Elemen-elemen ekonomi manusia dan pembangunan sosial yang dicerminkan dalam MDG dan perjanjian antarabangsa lain, cnth. dalam bidang pendidikan dan kesihatan;

- Elemen-elemen yang berasal daripada Persidangan Bumi 1992, termasuklah perjanjian-perjanjian yang dicapai dibawah konvensyen tentang perubahan iklim, biodiversiti dan perebakan gurun;
- Elemen-elemen dari bidang hak asasi manusia, termasuklah penekanan kepada penyertaan, hak wanita dan pentadbiran yang telus dan terbuka kepada penglibatan.

Melalui penglibatan mereka yang berkekalan pada peringkat tempatan, nasional dan antarabangsa selama tiga dekad, orang asal telah menyumbang banyak kepada membentuk visi global bagi pembangunan lestari, yang kini dimantapkan dalam Agenda 2030.



2. Ciri-ciri am Agenda Pembangunan Lestari 2030

Pemimpin dunia telah sebulat suara menerima Agenda 2030¹⁰ pada September 2015. Agenda 2030 terdiri daripada elemen-elemen utama tersebut:

- **17 Matlamat Pembangunan Lestari** (SDGs) and **169 sasaran berkaitan** yang patut dicapai menjelang 2030;
- **Cara-cara Perlaksanaan** (Mol), yang merupakan sumber-sumber dan rakan-konsi yang diperlukan untuk mencapai matlamat dan sasaran tersebut;
- Proses dan mekanisma **Susulan dan Semakan** (FUR) yang akan memantau dan memberi panduan bagi pelaksanaan tersebut;
- **232 petanda global** yang akan digunakan untuk mengukur perkembangan.

Agenda 2030:

- Merupakan hasil **proses konsultasi** yang pertama kali dilakukan dari segi tempoh, kerumitan dan penyertaan dari segi diplomasi multilateral serta penglibatan pelbagai pemegang taruh.
- Adalah **menyeluruh**, kerana ia merangkumi dimensi alam sekitar, sosial, ekonomi untuk pembangunan lestari.
- Adalah **sejagat**, kerana ia mestilah dicapai oleh semua negara menjelang 2030.

¹⁰ http://www.un.org/ga/search/view_doc.asp?symbol=A/RES/70/1&Lang=E

- Berasaskan secara jelas **Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat** dan perjanjian-perjanjian hak asasi manusia yang lain.
- Mengesahkan bahawa 17 SDG tersebut bertujuan **untuk menjadikan nyata hak asasi manusia** untuk semua.
- Berjanji agar **'tiada sesiapa ditinggalkan'** dan **untuk mencapai mereka yang paling ketinggalan dahulu**, maka mencerminkan prinsip hak asasi asas iaitu tiada diskriminasi dan kesaksamaan.

Ciri-ciri diatas berpotensi untuk menjadikannya satu agenda perubahan, yang akan menyumbang secara besar untuk menjadikan hak orang asal nyata.

2.1 Agenda yang sejagat

SDG tersebut **merupakan sejagat**, ini bermaksud matlamat-matlamat tersebut mestilah dilaksanakan oleh semua negara (sama ada negara maju atau membangun). Ini mustahak, kerana dunia ini berhubung kait, dan apa yang berlaku di satu negara akan memberi kesan kepada yang lain. Cuba la fikirkan perubahan iklim, yang disebabkan oleh masyarakat-masyarakat yang bertumpukan industri tetapi mempunyai hasil yang dirasai oleh mereka yang hidup bergantung kepada sumber semulajadi.

Kesejagatan ini juga bermakna bahawa SDG mestilah dicapai oleh semua kumpulan dan sektor dalam negara-negara. Oleh itu, SDG mewujudkan rangka untuk menangani isu-isu orang asal dimana jua mereka berada. Ini sangat penting, contohnya bagi orang asal yang tinggal dalam kemiskinan dalam negara yang dikira kaya dan maju.

2.2. Tiada sesiapa ditinggalkan

Agenda 2030 berjanji supaya tiada sesiapa ditinggalkan, ini mencerminkan prinsip asas hak asasi manusia iaitu kesaksamaan dan tiada-diskriminasi. Prinsip-prinsip ini termaktub dalam semua instrumen hak asasi manusia, termasuklah UNDRIP.

Tiada-diskriminasi bermaksud orang asal mempunyai hak yang sama dengan rakyat lain untuk khidmat pendidikan dan kesihatan, tanpa apa-apa diskriminasi. Tambahan, mereka juga tidak boleh didiskriminasikan sebagai kaum, dan oleh itu mempunyai hak kepada pendidikan dalam budaya dan bahasa mereka sendiri, serta untuk mengekalkan amalan perubatan dan kesihatan tradisi. Prinsip tiada-diskriminasi merangkumi orang asal secara **kolektif** dan juga secara **individu**, termasuklah untuk **memastikan kesaksamaan antara lelaki dan wanita**.

Prinsip kesaksamaan dan tiada-diskriminasi dicerminkan dalam pelbagai cara dalam SDG:

- Kebanyakan matlamat dan sasaran tersebut menegaskan pencapaian **untuk semua**. Contohnya, sasaran 1.1 menyasar untuk “menghapuskan kemiskinan tergar untuk **semua orang di semua tempat**”.
- Banyak matlamat dan sasaran tersebut memberi tumpuan kepada keperluan khas kumpulan khusus atau pemegang-hak. Contohnya, sasaran 2.3. berkenaan produktiviti pertanian dan pendapatan penghasil makanan kecil-kecilan, dan sasaran 4.5. berkenaan capaian sama rata kepada pendidikan, **kedua-duanya khusus menyebut tentang orang asal**.

Sasaran 2.3: *Menjelang 2030, produktiviti pertanian dan pendapatan dua kali ganda bagi penghasil makan kecil-kecilan, secara khususnya wanita, **orang asal**, petani keluarga, gembala dan nelayan, termasuklah melalui capaian yang selamat dan saksama kepada tanah, sumber dan input penghasilan, khidmat kewangan, pasaran dan peluang untuk meningkatkan mutu serta pekerjaan bukan berkaitan perladangan.*

Sasaran 4.5: *Menjelang 2030, hapuskan jurang disebabkan gender dalam pendidikan dan memastikan capaian yang saksama kepada semua peringkat pendidikan dan latihan vokasional bagi mereka yang terpinggir, termasuklah, orang kurang upaya, **orang asal** dan kanak-kanak dalam situasi yang sukar.*

Dua Matlamat bertujuan untuk menengani terus isu diskriminasi dan ketidaksaksamaan:

- Matlamat 5 ingin menamatkan semua bentuk diskriminasi terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan. Ini sangat penting kepada wanita dan kana-kanak perempuan orang asal yang menghadapi diskriminasi tiga kali ganda kerana mereka perempuan, orang asal dan miskin.
- Matlamat 10 bertujuan untuk mengurangkan ketidaksaksamaan dalam dan antara negara-negara.

Matlamat 10 merupakan matlamat inovatif yang penting untuk mencapai kesaksamaan bagi orang asal. Dua sasaran yang paling berpotensi adalah:

Sasaran 10.2: *Menjelang 2030, perkasakan dan promosikan penyertaan sosial, ekonomi dan politik bagi semua orang, tanpa mengira umur, jantina, kekurangan upaya, kaum, etnik, tempat asal, agama atau tahap ekonomi atau sataus lain.*

Sasaran 10.3: *Pastikan peluang yang saksama dan kurangkan ketidaksaksamaan pendapatan, termasuk memansuhkan undang-undang, polisi dan amalan bersifat diskriminasi serta mempromosikan undang-undang, polisi dan tindakan yang bersesuaian dalam perkara ini.*

Dengan penekanan yang kuat kepada kesaksamaan dan tiada-diskriminasi, SDG tersebut boleh membawa kesan nyata kepada kehidupan orang asal - dan wanita orang asal - jika dilaksanakan secara padu. Ini memerlukan negara-negara serta rakan pembangunan lain untuk membuat **langkah-langkah khas** untuk menengani peminggiran dan diskriminasi semasa terhadap orang asal. Langkah-langkah tersebut mestilah dibuat dengan penglibatan penuh orang asal, dan direka berdasarkan aspirasi dan hak mereka, seperti yang termaktub dalam UNDRIP.

2.3. Sebutan Khusus Berkenaan Orang Asal dalam Agenda 2030

Agenda 2030 mempunyai tumpuan am dalam menengani ketidaksaksamaan dan agar tiada sesiapa ditinggalkan, tetapi ia juga menyebut secara khusus tentang orang asal dalam beberapa bahagian.

Berkaitan dengan kelemahan dan pemerkasahan ia menyatakan:

“Mereka yang lemah mesti diperkasakan. Mereka yang mempunyai keperluan yang dicerminkan dalam Agenda termasuklah semua kanak-kanak, belia, orang kurang upaya (...), mereka yang hidup dengan HIV/AIDS, warga tua, orang asal, pelarian dan mereka yang dipindah dalam negara serta migran” (per. 23).

Berkenaan dengan pendidikan, ia menyatakan:

“Semua orang, tanpa mengira jantina, umur, kaum atau etnik, dan semua orang kurang upaya, migran, orang asal, kanak-kanak dan belia, terutamanya yang berada dalam situasi sukar, mestilah mempunyai capaian kepada peluang pelajaran sepanjang-hayat yang akan membantu mereka mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang mereka perlukan untuk menggunakan peluang-peluang yang ada serta untuk melibatkan diri secara lengkap dalam masyarakat” (per. 25)

Berkenaan dengan keperluan semakan perkembangan nasional pada peringkat kebangsaan, ia menyatakan:

“Kami juga mensarankan Ahli Negara untuk melakukan semakan yang kerap dan terbuka kepada penglibatan yang diterajui oleh negara tersebut berkenaan perkembangan yang ada pada peringkat nasional dan tempatan. Semakan teresebut harus mengambil sumbangan daripada orang asal, masyarakat sivil, sektor swasta dan pemengan taruh lain, selaras dengan keadaan, polisi dan keutamaan nasional” (per. 79).

Disebabkan orang asal disebut secara khusus dalam Agenda 2030 menunjukkan kepentingan mereka kepada pembangunan lestari. Dimana mereka tidak disebut secara khusus, mereka masih juga terlibat dengan sifat sejagat Agenda tersebut, serta penekanan bahawa tiada sesiapa ditinggalkan.



3. 17 Matlamat Pembangunan Lestari

17 matlamat tersebut adalah:



3.1. Kaitan matlamat-matlamat tersebut dengan orang asal

SDG merangkumi **pelbagai isu** yang perlu ditangani oleh dunia kini: kemiskinan, kesihatan, pendidikan, pekerjaan, keselamatan, bandar, perubahan iklim, capaian kepada sistem keadilan, kewangan, perkongsian dll. Matlamat-matlamat tersebut menengani aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar pembangunan lestari, dan matlamat-matlamat ini adalah **berhubungkait dan tidak boleh dipisahkan**. Ini bermakna satu tidak boleh dicapai tanpa yang satu lagi. Jika, contohnya,

orang asal tidak mempunyai capaian kepada pendidikan, mereka juga tiada capaian kepada pekerjaan. Atau kalau dunia ini tidak berjaya menangani perubahan iklim dan berhenti mencemarkan perairan, ekosistem marin tidak akan dapat dipulihara atau pengeluaran makanan secara mapan tidak boleh dicapai.

Dilihat bersama, semua matlamat SDG mewujudkan satu agenda yang berhubungkait dan menyeluruh, yang rumit dan penuh cabaran tetapi diperlukan. Setakat tertentu, ia mencerminkan pandangan hidup holistik orang asal tentang pembangunan. Oleh sebab sifatnya yang tidak boleh dipisahkan, kebanyakan matlamat SDG mempunyai kaitan dengan situasi orang asal dan juga keutamaan mereka berkaitan pembangunan. Oleh itu, orang asal patut menyemak semua matlamat dan sasaran tersebut untuk mengenalpasti mana satu yang paling berkaitan dengan konteks mereka secara khusus. Berikut adalah senarai yang bukan lengkap, tetapi hanya memberi contoh sasaran-sasaran yang sangat berkaitan untuk orang asal:

Matlamat	
Sasaran	Keutamaan orang asal
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	
Orang asal terdiri daripada 5% populasi dunia, tetapi juga terdiri daripada 15% yang hidup miskin tegar. SDG 1 bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan, oleh itu adalah satu keutamaan bagi kebanyakan orang asal, termasuklah mereka yang tinggal dalam kemiskinan dalam negara yang dikira kaya.	
1.2 Kurangkan kemiskinan dari segala aspek.	Kebanyakan orang asal mempunyai definisi mereka sendiri tentang kemiskinan dan kesejahteraan, yang mengambilkira isu tanah dan wilayah, pentadbiran sendiri dan integriti budaya.
1.4. Hak yang saksama kepada sumber ekonomi, termasuklah pemilikan dan kawalan atas tanah dan sumber semulajadi.	Pengiktirafan hak kolektif orang asal kepada tanah, wilayah dan sumber serta menghormati hak mereka untuk memberi atau tidak Izin berasaskan Makluman awal, Bebas, Telus mereka berkenaan projek yang akan memberi kesan kepada tanah dan sumber mereka.

Matlamat 2: Tiada Kelaparan

Banyak orang asal adalah penghasil makan secara kecil-kecilan. SDG 2 bertujuan untuk mencapai keselamatan jaminan makanan dan pemakanan yang lebih baik serta mempromosikan pertanian lestari. Ini adalah peluang untuk mempromosikan amalan lestari orang asal, berasaskan pengiktirafan tanah, wilayah dan sumber mereka.

<p>2.3 dan 2.4. Produktiviti pertanian dan pendapatan yang dua kali ganda bagi penghasil makanan kecil-kecilan termasuk melalui capaian yang selamat dan saksama kepada tanah, dan laksanakan amalan pertanian yang tahan lasak untuk memulihara alam semulajadi.</p>	<p>Pengiktirafan hak kolektif orang asal kepada tanah, wilayah dan sumber-sumber. Pengiktirafan dan sokongan kepada pekerjaan tradisi dan amalan hidup lestari orang asal, termasuklah pengembalaan, pertanian pindah dan pengurusan hutan.</p>
<p>2.5 Pastikan kepelbagaian genetik biji benih dan perkongsian secara adil dan saksama manfaat daripada penggunaan sumber genetic dan pengetahuan tradisi berkaitan, seperti dipersetujui pada pihak antarabangsa.</p>	<p>Beri sokongan kepada pekerjaan tradisi dan amalan hidup lestari orang asal, pelaksanaan Protokol Nagoya berkenaan capaian kepada Sumber Genetic dan Pengongsian Manfaat yang Adil dan Saksama dari Penggunaannya dan sehingga ke Konvensyen tentang Biodiversiti.</p>

Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan

Banyak orang asal menghadapi kesihatan yang tidak baik dan mempunyai capaian terhad kepada khidmat kesihatan, sambil itu amalan dan perubatan tradisi mereka pula sedang digugat. SDG 3 memberi peluang untuk memastikan kehidupan sihat dan mempromosikan kesejahteraan semua orang asal pada setiap peringkat umur.

<p>3.1. and 3.2. Kurangkan kadar kematian wanita mengandung serta kematian bayi dan kanak-kanak.</p>	<p>Capaian yang lebih baik kepada khidmat kesihatan berkualiti dan pengiktirafan serta sokongan kepada amalan kesihatan tradisi.</p>
<p>3.4. Mempromosikan kesihatan mental dan kesejahteraan.</p>	<p>Tangani kadar bunuh diri belia orang asal yang tinggi di banyak komuniti.</p>

<p>3.8. Liputan khidmat kesihatan yang sejagat, serta capaian kepada perubatan dan vaksin asas yang selamat, berkesan, berkualiti dan mampu milik untuk semua.</p>	<p>Perluaskan liputan khidmat kesihatan kepada komuniti orang asal dan pastikan capaian kepada ubat dan vaksin asas dalam cara yang tiada-diskriminasi.</p>
--	---

Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti

Orang asal, dan khususnya wanita orang asal, menghadapi banyak cabaran dalam sistem pendidikan formal. Pada masa yang sama, bahasa dan sistem pengetahuan orang asal seringkali tidak dicerminkan dalam pendidikan formal. SDG 4 memberi peluang untuk memastikan pendidikan berkualiti yang saksama dan bersifat merangkumi serta mempromosikan peluang pendidikan sepanjang-hayat untuk kanak-kanak, belia, laki-laki dan wanita orang asal.

<p>4.1., 4.2. and 4.3 Capaian yang saksama kepada semua peringkat pendidikan, yang membawa kepada hasil pendidikan yang relevant dan berkesan.</p>	<p>Pastikan capaian saksama kepada semua peringkat pendidikan bagi kanak-kanak, belia dan khususnya perempuan, orang asal. Berjanji untuk membawa perubahan pendidikan agar memastikan hasil pembelajaran yang relevan bagi kanak-kanak orang asal.</p>
<p>4.7 Pengetahuan dan kemahiran untuk pembangunan lestari, termasuklah pendidikan tentang amalan hidup lestari, hak asasi manusia, kesaksamaan gender, menghargai kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan lestari.</p>	<p>Integrasi pengetahuan, budaya dan bahasa orang asal dalam kurikulum pendidikan formal, termasuklah untuk sektor masyarakat bukan orang asal.</p>

Matlamat 5: Kesaksamaan Gender

Wanita dan perempuan orang asal sering menghadapi diskriminasi tiga kali ganda disebabkan gender, status sosial dan etnik mereka. SDG 5 terdiri daripada satu set sasaran yang sangat berkaitan dalam usaha mencapai kesaksamaan serta pemeraksanaan, dan adalah peluang untuk menengani diskriminasi terhadap wanita dan perempuan orang asal.

<p>5.1. , 5.2. and 5.3. Tamatkan diskriminasi dan keganasan terhadap wanita, termasuklah penyeledupan manusia, serta hapuskan amalan-amalan yang memudaratkan.</p>	<p>Langkah-langkah khas untuk menengani diskriminasi, keganasan dan amalan yang memudaratkan, dibentuk dan dilaksanakan dengan penglibatan penuh wanita orang asal.</p>
<p>5.a. Pembaharuan untuk memberi wanita hak dan capaian saksama kepada pemilikan dan kawalan tanah.</p>	<p>Pembaharuan undang-undang, peningkatan kapasiti dan sokongan kepada organisasi wanita untuk menengani halangan-halangan serta memastika hak tanah kepada wanita.</p>
<p>Matlamat 6: Air Bersih dan Sanitasi</p> <p>Air sebagai satu sumber semakin berkurangan, dan sering kali diswastakan serta dicemar tanpa mengiktiraf hak orang asal. Selain itu, orang asal sering menghadapi diskriminasi dari segi capaian kepada air minum dan sanitasi. SDG 6 bertujuan untuk memastikan kebolehsediaan serta pengurusan lestari air dan sanitasi untuk semua, dan ini mestilah memerlukan tumpuan khas kepada situasi yang dihadapi oleh orang asal.</p>	
<p>6. b. Sokong dan perkasakan penglibatan komuniti tempatan dalam memperbaiki pengurusan air dan sanitasi.</p>	<p>Iktiraf hak orang asal kepada sumber perairan dalam tanah dan wilayah mereka, serta tingkatkan kapasiti pengurusan mereka.</p>
<p>Matlamat 7: Tenaga yang Murah dan Bersih</p> <p>Banyak orang asal di negara yang membangun tidak mempunyai capaian kepada tenaga elektrik sambil seringkali menerima kesan buruk dari perkembangan projek tenaga yang memberi kesan kepada tanah, wilayah dan sumber-sumber mereka. SDG 7 bertujuan untuk memastikan khidmat tenaga elektrik yang murah, boleh diharap, serta moden kepada semua, dan memerlukan langkah khas untuk memastikan hak orang asal dihormati dan mereka mendapat manfaat yang saksama.</p>	
<p>7.2.Tingkatkan secara ketara bahagian pengeluaran tenaga mapan dalam sektor pengeluaran tenaga dunia.</p>	<p>Pastikan projek tenaga mapan di atas tanah dan wilayah orang asal mendapat izin berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus mereka.</p>

Matlamat 8: Pekerjaan Memuaskan dan Pertumbuhan Ekonomi

Seringkali, orang asal tidak mendapat manfaat dari pertumbuhan ekonomi mereka mengalami diskriminasi dalam pasaran pekerjaan dan antara mangsa pencabulan hak pekerja yang paling teruk, seperti buruh kanak-kanak dan buruh paksaan. SDG 8 bertujuan untuk mempromosikan pertumbuhan ekonomi yang bersifat menyeluruh dan mapan serta pekerjaan yang memuaskan dan produktif untuk semua.

8.6. Kurangkan dengan banyak kadar belia yang mengangur, tidak dalam pendidikan atau latihan.	Wujudkan program dan inisiatif khas untuk menengani diskriminasi yang dihadapi oleh belia orang asal dalam bidang pekerjaan.
8.7. Hapuskan amalan buruh paksaan dan buruh kanak-kanak.	Wujudkan program dan inisiatif khas untuk menengani amalan buruh paksaan dan kanak-kanak diantara orang asal, yang menjadi mangsa utama amalan-amalan tersebut di banyak tempat di dunia.

Matlamat 10: Pengurangan Ketidaksaksamaan

Hubungan orang asal dengan kerajaan negara, serta dengan sektor masyarakat lain, dicorakkan dengan ketidaksaksamaan yang mendalam dari segi ekonomi, sosial, budaya dan politik. SDG 10 bertujuan untuk mengurangkan ketidaksaksamaan berikut antara dan dalam negara-negara, dengan itu mewujudkan peluang untuk menengani diskriminasi terhadap orang asal.

10.2 and 10.3. Memperkasakan dan mempromosi penyertaan sosial, ekonomik dan politik untuk semua, serta memastikan peluang saksama dan mengurangkan ketidaksaksamaan, termasuklah dengan memansuhkan undang-undang bersifat diskriminasi.	Melakukan pembaharuan yang menyeluruh, dan memastikan undang-undang serta polisi nasional selaras dengan UNDRIP. Menerimapakai Konvesyen ILO No. 169. Pelaksanaan penuh kesemua komitmen dalam Dokumen Hasil WCIP.
--	--

Matlamat 13: Tindakan Berkenaan Iklim

Orang asal merupakan yang paling sedikit menyumbang kepada perubahan iklim, tetapi mereka antara yang paling mendapat kesan negatif disebabkan kebergantungan mereka atas ekosistem yang hidup. SDG 13 bertujuan untuk mengambil tindakan segera untuk menengani perubahan iklim serta impaknya, dan mesti memberi tumpuan kepada sumbangan orang asal dalam mengurangkan kesan perubahan iklim sambil menyokong kapasiti daya tahan dan penyesuaian mereka.

13.1. Perkasakan kapasiti daya tahan dan penyesuaian terhadap bahaya dan bencana berkaitan dengan perubahan iklim.

Memberi sokongan kepada komuniti orang asal untuk memperkasakan kapasiti daya tahan dan penyesuaian mereka terhadap perubahan iklim, termasuklah capaian kepada dana yang disediakan untuk tujuan tersebut.

Matlamat 14: Kehidupan Di bawah Air

Wilayah sesetengah orang asal termasuk ekosistem marin dan pantai. SDG 13 bertujuan untuk memelihara dan mengguna secara mapan sumber lautan, laut dan marin untuk pembangunan lestari. Ini mestila bermula dengan pengiktirafan hak orang asal, dan memberi sokongan kepada amalan pengurusan mapan mereka.

14.b Memberi capaian untuk nelayan kecil-kecilan kepada sumber marin dan pasaran.

Menghormati hak orang asal kepada wilayah marin tradisi dan sumber perairan mereka, serta menyokong pekerjaan tradisi mereka, termasuk melalui capaian pasaran yang lebih baik.

Matlamat 15: Kehidupan atas Tanah

Tanah, wilayah dan sumber mempunyai kepentingan serta nilai kebudayaan dan rohani yang khas bagi orang asal. Jumlah besar sumber genetik dunia boleh dijumpai atas tanah orang asal, dan amalan hidup istimewa mereka serta pengetahuan ekologi tradisi mereka menyumbang dengan banyak kepada pembangunan lestari karbon-rendah, pemuliharaan biodiversiti, penggunaan mapan biodiversiti serta mengekalkan kepelbagaian diversiti. SDG 15 bertujuan untuk melindungi, memulih dan mempromosikan penggunaan mapan ekosistem daratan dengan pengurusan hutan, menghentikan penyebaran gurun, dan menghentikan serta menterbalikkan kehilangan kepelbagaian biologi. Ini tidak boleh dicapai tanpa sumbangan orang asal, dan pengiktirafan hak mereka.

<p>15.2. Pengurusan mapan semua jenis hutan, menghentikan pemusnahan hutan, memulih hutan rosak dan meningkatkan jumlah penanaman baru dan penanaman semula seluruh dunia.</p>	<p>Mengiktiraf hak orang asal kepada tanah, wilayah dan sumber, serta memberi sokongan kepada amalan pengurusan mapan sumber hutan mereka.</p>
<p>Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat</p> <p>Orang Asal mempunyai institusi dan mekanisma mereka untuk pemerintahan, undang adat, penyelesaian pertelingkahan, pentadbiran tanah dan sumber, dll. Kebanyakan ini selalunya tidak diiktiraf, dan banyak orang asal terugat dari segi hak penglibatan dalam kerajaan dan capaian kepada sistem keadilan di negara mereka. Selain itu, orang asal sering menjadi mangsa kepada konflik dan aktivis alam sekitar orang asal diserang dan dibunuh. SDG 16 bertujuan untuk mempromosikan masyarakat aman dan bersifat terbuka bagi pembangunan lestari, memastikan capaian kepada sistem keadilan untuk semua dan membina institusi-institusi yang, pada semua peringkat, berkesan, telus dan bersifat terbuka. Ini mewujudkan peluang penting untuk memastikan pengiktirafan hak asas orang asal kepada sistem keadilan, pentadbiran sendiri dan pembangunan ditentukan-sendiri <i>rights to justice, security, self-governance and self-determined development</i>.</p>	
<p>16.3 Mempromosikan kedaualatan undang-undang pada peringkat nasional dan antara-bangsa serta memastikan capaian saksama kepada sistem keadilan untuk semua.</p>	<p>Memastikan capaian orang asal kepada keadilan dalam sektor keadilan formal berdasarkan pengiktirafan hak mereka seperti termaktub dalam UNDRIP, serta pengiktirafan dan sokongan untuk institusi perundangan adat mereka.</p>
<p>16.4. Memberi identiti sah undang-undang untuk semua, termasuklah pendaftaran kelahiran.</p>	<p>Melaksanakan inisiatif bersasaran untuk memberi identiti sah undang-undang untuk orang asal yang tidak mempunyai kerakyatan yang diiktiraf di negara mereka.</p>
<p>16.10. Memastikan capaian umum bagi maklumat dan melindungi kebebasan asasi.</p>	<p>Mengambil langkah-langkah segera untuk melindungi pejuang hak orang asal dan aktivis alam sekitar yang dalam keadaan berisiko kerana mempertahankan wilayah mereka.</p>

Matlamat 17: Kerjasama untuk Matlamat

SDG 17 bertujuan untuk memastikan adanya kaedah untuk pelaksanaan SDG, termasuklah dari aspek kewangan, perdagangan, kerjasama, maklumat dll. Orang asal selalunya mendapat kesan negatif daripada pelaburan dan sering dipinggirkan daripada kerjasama untuk pembangunan lestari. SDG 17 memberi peluang untuk mewujudkan kerjasama baru berdasarkan pengiktirafan hak orang asal.

17.16 Perkasakan kerjasama antarabangsa untuk pembangunan lestari, disokong oleh kerjasama pelbagai pemegang taruh yang dapat menggerakkan serta berkongsi pengetahuan, kepakaran, teknologi dan sumber kewangan.

Wujudkan kerjasama inovatif untuk pembangunan lestari antara kerajaan, orang asal, agensi PBB, syarikat dan rakan-konsi berminat yang lain, berasaskan penghormatan untuk hak orang asal.

17.18. Tingkatkan ketersediaan maklumat yang diasing berdasarkan pendapatan, gender, umur, kaum, etnik, status hijrah, kekurangan upaya, lokasi geografi dan ciri-ciri lain berdasarkan konteks nasional.

Sertakan penanda orang asal dalam pengumpulan data nasional, untuk memastikan data statistik diasing untuk pembangunan lestari bagi orang asal.

3.2. Membina pembangunan lestari berdasarkan hak orang asal

Sebagai rangka yang menyeluruh dan sejangat, Agenda 2030 dan SDG tidak memberi panduan terperinci tentang bagaimana untuk mencapai matlamat-matlamat SDG bagi orang asal.

Begitu juga, tiada sebutan khusus berkenaan keperluan izin berasaskan maklumat awal, bebas dan telus (FPIC) bagi projek-projek dan program yang akan memberi kesan orang asal, walaupun ada SDG (cth. berkenaan pertumbuhan ekonomi, industri, tenaga) yang boleh membawa kesan negatif kepada orang asal jika hak mereka tidak dihormati dalam pelaksanaan.

Mewujudkan satu **pendekatan berasaskan hak asasi manusia** untuk pembangunan lestari bagi orang asal, berdasarkan UNDRIP, adalah langkah terbaik untuk memastikan bahawa SDG:

- Memberi manfaat saksama kepada orang asal;
- Mempunyai kaitan dan menyumbang kepada keutaaman-keutamaan orang asal untuk pembangunan lestari;
- Tidak memberi kesan negatif terhadap hak dan pembangunan orang asal.

Pendekatan seperti ini patut diwujudkan berdasarkan komitmen-komitmen yang sudah diberikan oleh negara-negara kepada orang asal, termasuklah:

- UNDRIP dan instrumen hak asasi manusia lain serta piawaian-piawaian pekerjaan;
- Komitmen-komitmen yang dicerminkan dalam perjanjian antarabangsa berkenaan alam sekitar;
- Komitmen-komitmen yang dicerminkan dalam dokumen hasil WCIP.

Panduan Hak Asasi Manusia bagi Matlamat-Matlamat Pembangunan Lestari (<http://sdg.humanrights.dk/en/node/10>)

Panduan Hak Asasi Manusia bagi SDG adalah pangkalan maklumat pelbagai bahasa, yang menunjukkan hubungan antara sasaran SDG dengan piawai hak asasi manusia dan pekerjaan.

Semua konvensyen hak asasi manusia utama, deklarasi-deklarasi berkaitan dan piawai pekerjaan termasuk dalam Panduan tersebut, termasuklah UNDRIP. Oleh itu, orang asal boleh menggunakan Panduan tersebut sebagai peta jalan untuk sebuah pendekatan berasaskan hak asasi manusia bagi pembangunan lestari yang berdasar UNDRIP dan instrumen hak asasi manusia yang lain.

The screenshot shows the website interface for 'The Human Rights Guide to the Sustainable Development Goals'. At the top left is the logo for 'THE DANISH INSTITUTE FOR HUMAN RIGHTS'. The main title is 'The Human Rights Guide to the Sustainable Development Goals'. On the right, there is a link for 'List of Instruments'. The interface features several search filters: 'Goal' and 'Rights Instrument' (both with 'Choose some options' dropdowns), 'Term (full-text search)' (with a search box and 'Items: 100' indicator), 'Direction of search' (radio buttons for 'Right to goal' and 'Goal to right'), 'Target' (with 'Format: 16.4'), and 'Rights article' (with 'Format: 34.2.1'). There are also buttons for 'Save search', 'Print', 'PDF', and 'Data/csv'. Below the search filters, a message says 'Choose a goal or a target to see linkage to human rights.' Below this message is a grid of 17 Sustainable Development Goal icons, each with a small table of associated rights instruments. The icons are: 1. No Poverty, 2. Zero Hunger, 3. Good Health and Well-being, 4. Quality Education, 5. Gender Equality, 6. Clean Water and Sanitation, 7. Affordable and Clean Energy, 8. Decent Work and Economic Growth, 9. Industry, Innovation and Infrastructure, 10. Reduced Inequalities, 11. Sustainable Cities and Communities, 12. Responsible Consumption and Production, 13. Climate Action, 14. Life Below Water, 15. Life on Land, 16. Peace, Justice and Strong Institutions, and 17. Partnerships for the Goals.

Secara keseluruhannya, Panduan tersebut menunjukkan bahawa **92%** sasaran SDG boleh dihubungkan dengan instrument hak asasi yang khusus dan artikel-artikel tentang hak asasi boleh digunakan sebagai panduan untuk pelaksanaan Agenda 2030. Panduan tersebut juga menunjukkan bahawa **satu-pertiga** sasaran-sasaran SDG mempunyai hubungkait dengan peruntukan khusus dalam UNDRIP.

Hubungkait sasaran-sasaran SDG yang khusus dengan peruntukan-peruntukan dalam UNDRIP memberi panduan yang diperlukan kepada kerajaan, orang asal dan pelaksana lain untuk **mereka strategi dan rancangan SDG mereka, selaras dengan UNDRIP.**


Sasaran 3.1 boleh digunakan sebagai contoh. Sasaran tersebut berkenaan mengurangkan kadar kematian wanita mengandung, dan berhubungkait dengan peruntukan UNDRIP berkenaan hak untuk kehidupan, perubatan dan amalan kesihatan tradisi serta kenikmatan tahap piawaian kesihatan tertinggi yang boleh dicapai.

Matlamat	Hubungkait dengan Peruntukan UNDRIP
3.1 Menjelang 2030, mengurangkan kadar kematian wanita mengandung seluruh dunia kepada kadar 70 per 100,000 kelahiran.	7.1 Orang asal mempunyai hak kepada kehidupan, integriti fizikal dan mental, kebebasan dan keselamatan diri.
	24.1. Orang asal mempunyai hak kepada perubatan tradisi mereka serta untuk mengekalkan amalan kesihatan mereka, termasuklah pemeliharaan tumbuhan, haiwan dan mineral perubatan mereka. Orang asal secara individu juga berhak untuk capaian tanpa diskriminasi kepada semua khidmat perubatan dan sosial.
	24.2. Orang asal mempunyai hak saksama untuk menikmati tahap piawaian kesihatan fizikal dan mental tertinggi yang boleh dicapai. Kerajaan negara akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menjadikan nyata secara berkala hak ini.

Oleh itu, apabila kerajaan negara membentuk strategi untuk mencapai sasaran 3.1, mereka perlu mengambil kira:

- Situasi khas wanita orang asal;
- Bagaimana wanita orang asal tersebut mendapai capaian saksama kepada khidmat kesihatan agar memperoleh tahap piawaian kesihatan tertinggi yang boleh dicapai, dan;
- Bagaimana untuk memastikan bahawa perubatan tradisi serta amalan kesihatan tradisi boleh diintegrasikan kedalam khidmat kesihatan bagi wanita orang asal.

Lampiran menunjukkan set lengkap hubungkait antara matlamat, sasaran SDG dengan peruntukan dalam UNDRIP.



4. Penanda dan data

Masalah bagi orang asal adalah mereka sering tidak kelihatan dalam statistik rasmi. Disebabkan itu, kebanyakan negara mempunyai **kekurangan data** ketara, yang perlu dipenuhi untuk memastikan orang asal tidak ketinggalan.

Komisi Statistik PBB telah menerimapakai **230 penanda global** untuk memantau SDG. Pejabat-pejabat Bancian Nasional (NSO) sepatutnya mengumpul data berdasarkan penanda-penanda tersebut. Juga, Setusaha Agung PBB dengan kerjasama sistem PBB akan menyediakan satu laporan perkembangan tahunan berdasarkan rangka petanda global tersebut.¹¹

Sama ada penanda-penanda global tersebut boleh digunakan untuk menjana maklumat berguna bagi orang asal bergantung kepada tiga faktor:

- Sama ada penanda global **tersebut berkaitan** dengan hak dan pembangunan orang asal;
- **Kapasiti am** NSO untuk sebenarnya mengumpul data berdasarkan penanda global tersebut;
- **Kapasiti** NSO untuk sama ada:
 1. Menyusun-pecah data berkaitan orang asal, atau
 2. Mengumpul data khusus berkenaan situasi orang asal.

¹¹ Laporan pertama Matlamat-matlamat Pembangunan Lestari dibentangkan di Forum Politik Peringkat Tinggi pada pertengahan 2016. See the full report: <http://unstats.un.org/sdgs/report/2016/The Sustainable Development Goals Report 2016.pdf>

Secara realistik, potensi untuk menjana data yang mencukupi melalui penanda-penanda tersebut akan bergantung kepada negara dan rantau. Oleh itu, orang asal perlu menganalisa kekurangan data yang ada dan membentuk strategi untuk memenuhi jurang tersebut, termasuklah dengan **menggunakan penanda-penanda nasional pelengkap** dan **pengumpulan data yang bersifat penyertaan**. Seksyen-seksyen berikut akan membincangkan isu ini dengan lebih terperinci.

4.1. Kepentingan penanda-penanda global

Tiada satu daripada 230 penanda tersebut memberi tumpuan khusus atau menyebut tentang orang asal. Ini adalah satu kelemahan yang nyata yang menyebabkannya sukar untuk menggunakan penanda tersebut bagi mengesan situasi orang asal.

Bagaimanapun, analisa am keatas hubungkait penanda global **tersebut dengan hak asasi manusia** menunjukkan bahawa sekitar separuh daripada penanda tersebut boleh menjana data yang mempunyai kaitan terus dengan hak asasi manusia, termasuklah hak oran asal. Ini termasuklah, sebagai contoh, penanda untuk mengukur capain kepada khidmat kesihatan dan pendidikan, bilangan kes pembunuhan pejuang hak asasi, pengagihan jawatan dalam institusi awam berdasarkan pembahagian populasi negara dan banyak lagi¹².

Ini bermakna bahawa penanda global tersebut boleh memantau aspek hak asasi manusia SDG **secara am** bagi orang asal, jika data yang diasing boleh dikumpul.

Tetapi, penanda global tersebut tidak dapat mencerminkan secara khusus hak asasi orang asal, contohnya berkaitan dengan hak kolektif mereka kepada pendidikan dalam bahasa ibunda atau kepada tanah, wilayah dan sumber. Disebabkan itu, ada keperluan untuk penanda nasional pelengkap, bagi mencerminkan situasi khusus orang asal.

¹² Untuk senarai penuh penanda-penanda tersebut, sila lihat laporan DIHR berkenaan hak asasi manusia dalam FUR: http://www.humanrights.dk/sites/humanrights.dk/files/may_17_follow-up_and_review_sdg_docx.pdf

4.2. Penanda-penanda nasional pelengkap

Agenda 2030 meramalkan keperluan untuk melengkapi penanda-penanda global dengan **penanda-penanda nasional**. Penanda tersebut patut mengukur isu-isu yang berkaitan bagi negara tersebut dan boleh digunakan untuk menengani isu-isu yang penting bagi orang asal.

Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia mencadangkan agar **penanda hak asasi manusia** mengukur tiga aspek:

Komitmen negara kepada hak asasi manusia, cth. melalui penerimaan perjanjian antarabangsa dan pengangkatannya dalam undang-undang dan polisi nasional. Penanda seperti ini akan dikenali sebagai **penanda struktur**.

Usaha negara-negara untuk mencapai hasil hak asasi manusia, cth. melalui pengagihan bajet, latihan, penubuhan institusi dll. Penanda seperti ini dikenali sebagai **penanda proses**.

Kenikmatan hak asasi manusia yang nyata oleh semua kumpulan populasi, cth. dari segi pendidikan, kesihatan, politik, penyertaan dll. Penanda seperti ini dikenali sebagai **penanda hasil**.

Majoriti penanda global hanya memberi penekanan kepada mengukur **hasil** dan hanya beberapa yang mengukur komitmen dan usaha kerajaan negara untuk mencapai hasil tersebut.

Penanda hasil sangat penting untuk akhirnya mengukur sama ada sesuatu sasaran telah dicapai. Tetapi, sesuatu hasil seringkali dicapai melalui proses-proses rumit dan hanya berubah secara perlahan-lahan. Oleh itu, penanda hasil mempunyai **potensi terhad** untuk mengukur **komitmen dan usaha serta-merta** sesuatu negara untuk mencapai matlamat dan sasaran tersebut.

Sebagai contoh, penanda 4.1.1 akan mengukur kadar kanak-kanak dan belia yang mencapai kemahiran membacadan matematik. Penanda ini mengukur **hasil pendidikan** dan penting untuk kanak-kanak dan belia orang asal, jika data diasing dikumpulkan. Tetapi, penanda tersebut

tidak menyatakan apa-apa berkenaan komitmen dan usaha negara tersebut untuk menengani peminggiran dan diskriminasi terhadap orang asal.

Oleh itu, ia sangat penting untuk melengkapkan penanda hasil global dengan **penanda struktur dan proses nasional** untuk mengukur sama ada undang-undang dan kurikulum nasional dapat memberi pendidikan dalam bahasa orang asal serta sama ada guru-guru dwibahasa dilatih dan dihantar ke sekolah orang asal.

4.3. Kekurangan data dan kapasiti Pejabat-pejabat Bancian Nasional

Penanda-penda global tersebut telah diklasifikasikan kepada sistem tiga-Tahap. Hanya penanda Tahap 1 adalah:

- Jelas dari segi konsep;
- Mempunyai metodologi dan piawaian yang ditetapkan, dan;
- Data yang sering dihasilkan oleh negara-negara¹³.

Hanya **36%** penanda global diklasifikasikan sebagai **Tahap 1**.

Ini bermakna bahawa majoriti penanda global (Tahap 2 dan 3) memerlukan lebih banyak usaha dan NSO negara-negara pada masa ini tidak sedang mengumpul data bagi penanda tersebut. Ini bermakna terdapat **kekurangan data yang serius** dan ia akan mengambil **lebih masa dan sumber** sebelum NSO tersebut bersedia untuk mengumpul data berkenaan penanda tersebut¹⁴.

¹³ Lihat: Klasifikasi rasmi penanda-penanda: [http://unstats.un.org/sdgs/files/meetings/iaeg-sdgs-meeting-04/Tier Classification of SDG Indicators Updated 23-09-16.pdf](http://unstats.un.org/sdgs/files/meetings/iaeg-sdgs-meeting-04/Tier%20Classification%20of%20SDG%20Indicators%20Updated%2023-09-16.pdf)

¹⁴ Untuk analisis yang lebih terperinci, lihat: Laporan DIHR berkenaan Data dan Hak Asasi Manusia: http://www.humanrights.dk/sites/humanrights.dk/files/media/dokumenter/udgivelser/sdg/data_report_2016.pdf

Selain itu, kebanyakan penanda global hanya relevan kepada orang asal jika NSO mengumpul **data yang diasingkan**. Kebanyakan NSO boleh memisahkan data berdasarkan jantina dan umur tetapi total berdasarkan identiti atau etnik orang asal. Jika data tersebut tidak diasingkan, situasi orang asal tidak akan dilihat dalam statistik kebangsaan.

Pemisahan data boleh dilaksanakan dengan menyertakan satu pengenalan orang asal dalam bancian-bancian nasional dan rumah tangga.

Agenda 2030 menekankan pemisahan data sebagai langkah utama untuk memantau ketidaksaksamaan dan untuk memastikan tiada sesiapa pun ditinggalkan. Rangka penanda global tersebut menyatakan bahawa data mestilah diasingkan berdasarkan jantina, umur, kaum, etnik, status hijrah, kekurangan upaya, dan lokasi geografi. Ia juga mengiktiraf keperluan untuk menguatkan kapasiti NSO untuk menyusun data. Oleh itu, sasaran 17.18. bertujuan khusus untuk menguatkan NSO-NSO tersebut.

Sasaran 17.18: Menjelang 2020, tingkatkan sokongan membina-kapasiti kepada negara-negara membangun, termasuklah negara-negara yang kurang maju dan Negara berasaskan kepulauan kecil, *untuk meningkatkan secara ketara ketersediaan data yang berkualiti, sesuai dengan masa dan boleh diharap yang diasing berdasarkan pendapatan, gender, umur, kaum, etnik, status hijrah, kekurangan upaya, lokasi geografi dan ciri-ciri lain yang relevan dalam konteks nasional.*

Orang asal mestilah bekerjasama dengan NSO dan mengadvokasikan pelaksanaan sasaran 17.18. bagi memastikan data, pemantauan, dan ketelusan untuk orang asal.

4.4. Pengumpulan data oleh orang asal

Bagi menengani kekurangan data dan membekalkan maklumat yang sesuai untuk memastikan orang asal tidak hilang dan ketinggalan, mereka sendiri boleh mengumpul data.

The Navigator Orang asal adalah inisiatif AIPP dengan kerjasama rakan-kongsi yang lain, untuk sebuah **sistem pemantauan dan maklumat berasaskan komuniti**. Ia menyediakan alat bantu untuk orang asal mengumpul data dan memantau hak serta perkembangan mereka, seperti dengan melaporkan data mereka kepada proses semakan peringkat nasional, rantau dan antarabangsa.

Navigator Orang Asal boleh digunakan untuk memantau:

- Pelaksanaan UNDRIP,
- Hasil-hasil Persidangan Dunia berkenaan Orang Asal
- Aspek-aspek penting SDG.

Navigator Orang Asal membekalkan **alat bantu** tersebut:

- Rangka penanda yang lengkap untuk memantau UNDRIP, SDG dan hasil-hasil Persidangan Dunia berkenaan Orang Asal (WCIP);
- Questionnaires for data collection at community and national levels
Soal-selidik untuk pengumpulan data pada peringkat komuniti dan nasional;
- Sebuah Indeks Komuniti Orang Asal dan Indeks Kebangsaan Orang Asal untuk memperoleh dan membandingkan dengan cepat diantara situasi-situasi dipelbagai rantau, negara dan komuniti;
- Sebuah rangka yang lengkap, yang menunjukkan hubungkait UNDRIP dengan instrumen-instrumen hak asasi yang lain;
- Piawai data untuk mengongsikan maklumat dan alat bantu antara negara dan komuniti.

Lihat lebih lanjut pada laman web Navigator Orang Asal: <http://www.indigenoustravelator.org/statistics/>



5. Susulan dan semakan

Agenda 2030 menentukan mekanisma **Susulan dan Semakan** (FUR) yang patut **mengukur dan memberi** panduan perkembangan dalam pelaksanaan Matlamat dan Sasaran SDG. Mekanisma FUR akan beroperasi pada tiga peringkat:

- Pada **peringkat nasional**, negara-negara patut membentuk pelan tindakan nasional untuk melaksanakan Agenda 2030, dan untuk melakukan semakan yang kerap dan bersifat terbuka tentang perkembangan tersebut termasuk sumbangan semua pemegang taruh, termasuklah orang asal.
- Pada **peringkat rantau**, FUR akan berasaskan semakan peringkat-nasional dan pada masa yang sama menyumbang kepada semakan peringkat global. Penekanan adalah untuk mengenalpasti trend-trend rantau dan menengani isu-isu rantau khusus termasuklah isu antara sempadan.
- Susulan dan semakan pada **peringkat antarabangsa**, akan kebanyakan berlangsung melalui **Forum Politik Berperingkat Tinggi** (HLPF), yang bersidang setiap tahun di New York. Di HLPF, negara-negara akan menyertai **Semakan Nasional Sukarela** (VNR) untuk melaporkan perkembangan dan cabaran mereka dalam mencapai Matlamat-matlamat tersebut di negara mereka sendiri.

Mekanisma FUR adalah sukarela dan dipimpin oleh kerajaan negara sendiri. Laporan kepada HLPF adalah sukarela dan tiada mekanisma untuk semakan bebas atau saluran cadangan terus kepada Negara-negara tersebut. Oleh itu, mekanisma-mekanisma tersebut lemah,

tetapi boleh di perkasakan jika orang asal menyumbang secara aktif kepada FUR dan juga mengadvokasi penggunaan cadangan-cadangan dari sistem hak asasi manusia, termasuklah Semakan Khas Berkala PBB dan panduan daripada Pelapor Khas PBB bagi Orang Asal untuk pelaksanaan SDG tersebut.

Mekanisma Susulan dan semakan masih lagi dibentuk

Proses perancangan, pelaksanaan dan semakan Agenda 2030 akan berbeza antara negara dan rantau, dan panduan serta prosedurnya belum lagi dibentuk penuh. Orang asal boleh memainkan peranan penting dalam konsultasi-konsultasi yang sedang berkenaan berkenaan prosedur-prosedure tersebut pada semua peringkat.

5.1. Prinsip-prinsip Mekanisma Susulan dan Semakan

Agenda 2030 menekankan bahawa tujuan FUR adalah untuk **memastikan ketelusan** terhadap rakyat¹⁵. Lebih lagi, Agenda tersebut menyatakan prinsip-prinsip yang patut digunakan sebagai panduan untuk proses FUR pada semua peringkat. Proses-proses tersebut sepatutnya adalah: bersifat merangkumi, terbuka dan telus serta

Agenda 2030 khususnya menyebut tentang penyertaan orang asal dalam FUR:

*“Kami juga menggalakkan negara-ahli untuk melakukan semakan yang kerap dan bersifat terbuka pada peringkat nasional dan tempatan yang dipimpin dan dipandu oleh kerajaan. Semakan tersebut patut mengambil kira sumbangan **orang asal**, masyarakat sivil, sektor swasta, dan pemegang taruh yang lain, selaras dengan situasi, polisi dan keutamaan negara. Parlimen nasional serta institusi yang lain boleh juga menyokong proses ini”* (Transforming Our World: the 2030 Agenda for Sustainable Development, per. 79).

¹⁵ Transforming Our World: the 2030 Agenda for Sustainable Development, para 73

bertumpuan-rakyat, sensitif kepada isu gender, menghormati hak asasi manusia dan mempunyai tumpuan khusus kepada mereka yang paling miskin, lemah dan yang paling ketinggalan.¹⁶

Apabila prinsip FUR yang dinyatakan dalam Agenda 2030 dibandingkan dengan prinsip-prinsip **pendekatan berasaskan hak asasi manusia** (HRBA) bagi pembangunan, ia menjadi jelas bahawa terdapat banyak persamaan. Oleh itu, orang asal patut mengadvokasikan untuk HRBA bagi melaksanakan SDG, agar hak dan keutamaan mereka disertakan.¹⁷

Prinsip-prinsip bagi Susulan dan Semakan bagi Agenda 2030	Prinsip-prinsip bagi Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia bagi Pembangunan	Peluang/kaitan untuk orang asal
<p>Tujuan proses FUR adalah untuk mempromosikan ketelusan kepada rakyat</p>	<p>Ketelusan: Negara-negara dan pemegang-tanggungjawab yang lain mempunyai tanggungjawab untuk menghormati, melindungi dan melaksanakan hak asasi manusia. Dimana mereka gagal untuk melakukan tersebut, pemegang-hak mestilah mempunyai capaian kepada penyelesaian.</p> <p>Ketelusan sangat berhubungkait dengan hak untuk memperoleh maklumat dan peningkatan-kapasiti pemegang-hak agar mereka boleh menuntut hak mereka dengan berkesan.</p>	<p>Negara-negara mestilah menghormati UNDRIP dan kewajipan hak asasi manusia yang lain terhadap orang asal dalam pelaksanaan penuh Agenda 2030.</p> <p>Proses FUR mesti menjana maklumat diperlukan berkenaan orang asal, dan orang asal mestilah mempunyai capaian efektif kepada penyelesaian dalam kes-kes dimana mereka menghadapi diskriminasi atau hak mereka dicabul.</p> <p>Orang asal mesti mempunyai capaian kepada pembinaan-kapasiti berkenaan Agenda 2030, agar dapat menuntut hak mereka yang berkaitan secara berkesan.</p>

¹⁶ Ibid, para 74.

¹⁷ Jadual disalin daripada: Human Rights in the Follow-up and Review of the 2030 Agenda, Danish Institute for Human Rights, 2016: page: 16, lihat Human Rights in FUR: http://www.humanrights.dk/sites/humanrights.dk/files/may_17_follow-up_and_review_sdg_docx.pdf

<p>Proses FUR akan bersifat terbuka, menyeluruh, terbuka kepada penglibatan dan telus untuk semua orang dan akan menyokong laporan semua pemegang taruh yang berke-naan. Negara-negara digalakkan untuk melakukan semakan yang kerap dan ber-sifat terbuka tentang perkembangan SDG pada peringkat nasi-onal dan tempatan. Semakan tersebut mestilah mengam-bilkira sumbangan dari orang asal, mas-yarakat sivil, sektor swasta dan peme-gang-taruh yang lain.</p>	<p>Penglibatan: Setiap individu dan semua orang berhak untuk terlibat secara aktif, bebas dan bermakna, menyumbang dan menikmati pem-bangunan dimana hak asasi dan kebebasan asas dijadikan nyata.</p> <p>Rakyat diiktiraf sebagai pemain penting dalam pembangunan mereka sendiri, dan keupayaan mereka untuk memastikan pihak pemegang-tanggungjawab bertind-ak telus mestilah diperkasakan melalui proses-proses pemba-ngunan yang memperkasakan. Penglibatan merupakan cara dan matlamat, ini bermakman pengli-batan mestilah menjadi sesuatu yang penting untuk proses pemba-ngunan dan hasil pembangunan.</p>	<p>Hak orang asal kepada hak ditentukan-sendiri mestilah dipertahankan. Ini dilakukan dengan, antara cara lain, men-gaplikasikan secara cukup hak mereka kepada konsultasi, penglibatan dan FPIC dalam langkah-langkah atau projek pembangunan yang akan mem-beri kesan kepada mereka.</p> <p>Penglibatan orang asal mes-tilah dipastikan dalam proses pelaksanaan tetapi ia mestilah juga dijadikan satu hasil dalam Agenda 2030.</p>
<p>Proses FUR mestilah bertumpuan-rakyat, sensitif kepada isu gender, menghormati hak asasi manusia dan secara khusus mempun-yai tumpuan kepada mereka yang paling mi-skin, lemah dan paling ketinggalan. Mereka akan dimaklumkan dengan dan berdasar-kan data, yang akan berkualiti tinggi, sengan diperolehi, bersesuaian masa, boleh diharap dan diasing berdasar-kan pendapatan, janti-na, umur, kaum, etnik, status hijrah, kekurang-an upaya dan lokasi geografi serta ciri-ciri yang relevan kepada keadaan nasional.</p>	<p>Kesaksamaan dan tiada-diskrimi-nasi: Semua individu adalah saksama sebagai manusia dan berhak kepada hak asasi mereka tanpa apa-apa jenis diskiminasi seperti berdasarkan kaum, warna kulit, jantina, etnik, umur, bahasa, aga-ma, pandangan politik atau pan-dangan lain, asal nasional atau sosial, kekurangan upaya, hartanah, status kelahiran atau status yang lain.</p> <p>Semua pemegang taruh mesti-lah dikenalpasti, dan keutamaan mestilah diberikan kepada mereka yang terpinggir dan paling dikesan oleh ketidaksaksamaan ekonomi, sosial dan politik. Ini memerlukan tumpuan yang bersasaran serta data yang diasing.</p>	<p>Orang asal seringkali antara kumpulan yang paling terpinggir dan ketinggalan. Situasi khusus mereka mestilah didokumentasikan dan dipantau, termasuklah melalui satu garisdasar awal dan pengumpulan data yang diasing secara sistematik dan kerap.</p>

5.2. Proses Susulan dan Semakan Nasional

Agenda 2030 tidak memberi kenyataan yang khusus berkenaan bagaimana negara-negara patut melaksanakannya dan menyemaknya. Secara am, ia memanggil untuk **semakan yang kerap dan bersifat terbuka** tentang perkembangan SDG yang mengambilkira sumbayang dari semua pemegang taruh, termasuklah orang asal.

Kebanyakan negara masih dalam proses membentuk proses pelaksanaan dan semakan kebangsaan mereka, tetapi dalam kebanyakan kes, akan ada sebuah **strategi atau rancangan nasional** untuk pembangunan lestari, termasuk juga proses **laporan dan semakan nasional**. Bila dan bagaimana proses-proses tersebut akan berlaku akan berbeza antara negara. Oleh sebab SDG merangkumi banyak jenis tema, ia akan memerlukan **koordinasi kerajaan** yang mantap antara kementerian-kementerian serta institusi-institusi untuk memastikan tindakan yang sistematik dan teratur. Kerajaan-kerajaan mesti memastikan **penglibatan yang luas** dalam proses-proses ini, termasuklah penglibatan orang asal. Lebih lagi, pihak kerajaan mestilah membekalkan secara kerap **data statistik** dan maklumat lain untuk memantau perkembangan SDG, termasuklah berkaitan dengan orang asal.

Penglibatan orang asal pada **peringkat nasional** adalah mustahak untuk memastikan mereka tidak ditinggalkan. Oleh itu, sangat penting untuk orang asal memiliki pengetahuan dan pemahaman tentang SDG, dan untuk membina dan memperkasakan kapasiti mereka dan kerjasama untuk advokasi dan penglibatan untuk mempromosi, melindungi dan menjadikan nyata hak-hak mereka, termasuk aspirasi mereka bagi pembangunan ditentukan-sendiri.

Tindakan-tindakan utama yang boleh diambil oleh orang asal pada peringkat nasional:

- Mempelajari tentang proses pelaksanaan nasional, pelan tindakan dan proses semakan, dan membina kapasiti organisasi orang asal untuk penglibatan yang berterusan;

- Terlibat dalam konsultasi, komiti, bengkel dan aktiviti membina-kapasiti dengan pemegang taruh lain berkenaan pelaksanaan SDG;
- Menyelaras antara organisasi orang asal lain, dan menghuraikan cadangan-cadangan untuk pelan tindakan nasional untuk melaksanakan SDG, UNDRIP dan juga dokumen Hasil WCIP;
- Mengadvokasi, melibatkan diri dan membina persekutuan dengan kerajaan nasional dan tempatan, kumpulan-kumpulan utama, masyarakat sivil, agensi PBB/ Kumpulan tindakan Negara PBB dan rakan-sokongan pembangunan yang lain, untuk memastikan hak orang asal serta keutamaan pembangunan mereka disertakan dan dicerminkan dalam pelan tindakan nasional dan proses semakan;
- Bekerjasama dengan Pejabat Bancian Nasional untuk memastikan pengumpulan data yang diasing berdasarkan identiti orang asal dalam bancian nasional;
- Bekerjasama dengan Pejabat Bancian Nasional untuk menerima-pakai penanda nasional pelengkap untuk memantau aspek-aspek khusus berkenaan hak orang asal dan pembangunan berdasarkan etnik;
- Lakukan pengumpulan data berdasarkan penglibatan komuniti untuk memantau dan melaporkan perkembangan dalam komuniti orang asal;
- Menglibatkan diri dalam proses konsultasi dan laporan nasional dan menyumbang kepada Semakan Nasional Sukarela dibawah Forum Politik Peringkat Tinggi;
- Menyemak komen dan cadangan dari mekanisma pemantauan hak asasi manusia seperti perbadanan hak asasi manusia, Semakan Berkala Sejangat dan Pelapor Khas PBB berkenaan Hak Orang Asal, dan menggunakan semua ini untuk mempengaruhi pelan tindakan nasional SDG;

- Melakukan kempen media untuk menjana perhatian umum berkenaan isu, kembimbangan dan aspirasi orang asak berkaitan dengan SDG;
- Mencari dan menubuhkan kerjasama antara pemegang-taruh dibawah Langkah-langkah Pelaksanaan (MoI) untuk menyokong pembangunan ditentukan-sendiri orang asal melalui program dan projek realistik seperti perusahaan sosial dipimpin-komuniti untuk menjana pendapatan, sumber tenaga yang boleh diperbaharui yang diurus komuniti, dll yang selaras dengan keperluan dan keutamaan komuniti orang asal;
- Mendokumentasikan amalan baik dan pemerksaan pengetahuan tradisi dan inovasi berkenaan pengurusan mapan dan pemuliharaan sumber, keselamatan jaminan makan, pembangunan komuniti dll, untuk disertakan dan disokong dibawah inisiatif, mekanisma dan program Sains, Teknologi dan Inovasi Agenda 2030.

5.3. Susulan dan Semakan Rantau

Susulan dan semakan rantau berasaskan semakan peringkat nasional dan pada masa sama menyumbang kepada semakan peringkat antarabangsa. Penekanan adalah untuk mengenalpasti trend rantau dan menengani isu-isu rantau yang khusus. Agenda 2030 tidak menghuraikan secara terperinci proses-proses semakan peringkat rantau tetapi menggalakkan negara-negara untuk mengenalpasti persetujuan rantau yang bersesuaian untuk membina atas mekanisma rantau yang wujud, dimana boleh.

Beberapa rantau telah mewujudkan **Forum-forum Rantau berkenaan Pembangunan Lestari**, dan mesyuarat pertama untuk Forum-forum tersebut telah berlangsung di Afrika, Europe, Asia-Pasifik dan rantau Arab. Pada *peringkat rantau*, orang asal boleh melibatkan diri dalam forum-forum rantaumelalui organisasi orang asal dan juga platform masyarakat sivil. Walaubagaimanapun, keperluan untuk akreditasi PBB bagi CSO yang berhasrat untuk melibatkan diri dalam forum serantau

(cth. APFSD) merupakan satu isu utama untuk organisasi dan jaringan orang asal, terutamanya dari peringkat nasional dan tempatan.

Forum Pembangunan Lestari Asia-Pasifik (APFSD) dibawah naungan UN-ESCAP merupakan forum antara kerajaan serantau untuk menyediakan serta mengembangkan pelaksanaan rantau komprehensif Agenda Pembangunan Lestari 2030 di rantau Asia-Pasifik. Sesi pertama APFSD dianjurkan di Pattaya, Thailand dari 19-21 May 2014, oleh UN-ESCAP dengan Kerajaan Thailand. Semasa Agenda Pembangunan Lestari 2030 dibentuk, sesi pertama APFSD bertumpu kepada membentuk input serantau bagi proses global tersebut, dengan mengenalpasti kaedah pelaksanaan yang efektif dan merangkumi untuk mengejar agenda pembangunan yang transformatif serta menentukan proses-proses rantau selepas 2015.

Sesi pertama APFSD ini telah diterajui oleh sebuah forum masyarakat sivil yang dianjurkan oleh UN-ESCAP dengan kerjasama rakan-rakan CSO untuk membolehkan penglibatan masyarakat sivil yang penuh dan efektif, termasuklah orang asal di rantau tersebut untuk membawa satu suara kepada Forum tersebut dan membentuk strategi untuk memastikan penglibatan yang lebih efektif dalam Susulan dan Semakan Agenda 2030 di rantau tersebut. **Mekanisma Penglibatan CSO Rantau Asia-Pasifik** (AP-RCEM) telah dibentuk semasa sesi pertama APFSD. Sesi ke-2 APFSD telah diadakan satu tahun kemudian di Bangkok sebagai sahutan kepada panggilan negara-negara ahli dalam resolusi ESCAP 70/11. Sesi ke-2 APFSD juga memanggil untuk pembentukan satu peta-jalan rantau untuk pelaksanaan Agenda 2030 di Asia-Pasifik.

Setakat April 2017, ESCAP telah mengadakan empat (4) sesi **APFSD** dengan penglibatan negara-negara, organisasi PBB, sembilan kumpulan utama tersebut serta pemegang taruh yang lain. Sesi ke-4 APFSD diadakan di Bangkok dari 29-31 March 2017 dengan tema 'Membasmi Kemiskinan dan Menggalakkan Kemakmuran di Asia-Pasifik yang sedang berubah.' Sesi tiga hari tersebut juga membincangkan peta-jalan rantau, yang bertujuan untuk menyokong pelaksanaan Agenda 2030 di rantau tersebut. Peta-jalan rantau tersebut dijadualkan untuk diterima pada sesi ke-tujuh-puluh tiga ESCAP sebelum HLPF Pembangunan Lestari yang akan diadakan pada Julai 2017. Sama seperti tiga sesi

APFSD sebelum ini, hasil sesi ke-empat APFSD juga akan dibentangkan semasa HLPF akan datang tersebut.

Lebih lagi, bentuk, fungsi dan cara-cara APFSD telah diperkembangkan semasa sesi ke-empat seperti yang dicadangkan semasa sesi ke-tiga pada 2016 yang juga dimandatkan oleh ESCAP sesi ke tujuh puluh dua.¹⁸ Draf terkini tentang bentuk dan fungsi APFSD mendefinisikan Forum tersebut sebagai forum antara kerajaan yang berlangsung setiap tahun dan bersifat terbuka, untuk menyokong persediaan rantau Asia-Pasifik untuk Forum Politik Peringkat Tinggi berkenaan Pembangunan Lestari. Ia juga berfungsi sebagai landasan serantau untuk memberi sokongan kepada negara-negara yang mempunyai keperluan khas bagi melaksanakan Agenda 2030. Forum tersebut juga dijangka untuk memberi persepektif rantau Asia-Pasifik berkenaan pelaksanaan Agenda 2030 dan menyokong proses susulan dan semakan pada peringkat rantau.¹⁹

Orang asal di rantau Asia dan Pasifik terlibat dalam proses susulan dan semakan peringkat rantau melalui AP-RCEM, yang setakat April 2017, terdiri daripada 525 pertubuhan serta jaringan masyarakat sivil. Landasan ini juga terdiri daripada 17 konstituensi, yang termasuk konstituensi orang asal dan diselaraskan oleh AIPP sebagai titik fokus bagi konstituensi tersebut. Sebagai titik fokus, AIPP telah aktif terlibat dalam sesi-sesi dan proses APFSD melalui AP-RCEM. Pada 2016, AIPP menyampaikan Kertas Rumusan tentang Keutamaan-keutamaan Orang Asal dalam pelaksanaan Agenda 2030 pada Rantau Asia bersama dengan Komen dan Rekomendasi bagi Deraf Peta Jalan Pelaksanaan Agenda 2030 Rantau Asia-Pasifik. Selain itu, AIPP memimpin dalam menggalakkan serta menyelaraskan penyertaan pertubuhan serta jaringan orang asal dalam Forum CSO, termasuk melobi untuk kuota wakil OA dalam APFSD.

¹⁸ Lihat Laporan sesi ketiga Forum Asia Pasifik berkenaan Pembangunan Lestari (E/ESCAP/72/16) per. 15 di sini: <http://undocs.org/E/ESCAP/72/16>

¹⁹ Lihat deraf terkini Bentuk dan Fungsi Forum Asia Pasifik berkenaan Pembangunan Lestari (APFSD) di sini: [http://www.unescap.org/sites/default/files/pre-ods/EESCAPFSD\(4\)INF7.pdf](http://www.unescap.org/sites/default/files/pre-ods/EESCAPFSD(4)INF7.pdf)

AP-RCEM membolehkan organisasi masyarakat sivil untuk terlibat dengan dan diambil kira dalam proses-proses antara kerajaan pada peringkat rantau dan antarabangsa. Sejak 2012, AP-RCEM telah berkerjasama dengan **Komisi Ekonomi dan Sosial PBB untuk Asia dan Pasifik** (ESCAP) dalam proses-proses yang menghasilkan pembentukan dan penerimaan SDG serta pembentukan satu rangka susulan dan semakan untuk rantau tersebut.

Ada beberapa aktiviti penting yang boleh dilakukan oleh Orang Asal dalam proses susulandan semakan rantau tersebut, termasuklah semasa sesi Forum CSO dan APFSD untuk membangkitkan apa-apa isu atau kebimbangan dan untuk memperkasakan penyelarasan antara orang asal di rantau Asia dan Pasifik:

- **Bekerjasama dengan konstituensi-konstituensi yang lain** untuk menganjurkan sekurang-kurangnya satu bengkel selari yang bertema semasa Forum CSO;
- **Terlibat secara aktif** dalam perbincangan, mesyuarat dan aktiviti kumpulan kerja bertema semasa dan selepas Forum CSO;
- **Bekerjasama dengan perbadanan UN dan negara ahli** untuk menganjur acara sampingan semasa sesi APFSD apabila boleh;
- **Menganjurkan mesyuarat** dengan pegawai kerajaan dan agensi yang berkenaan (cth. UN-ESCAP) dan pelaku pembangunan utama yang lain (agensis PBB, dll) untuk membawa perhatian perkara yang dipentingkan orang asal serta untuk lebih mendalami maklumat lain tentang penglibatan pada peringkat nasional dan rantau serta peluang kerjasama, apabila boleh;
- **Membentuk dan memperkasakan jaringan** antara CSO dari peringkat tempatan dan nasional untuk meningkatkan keberkesanan penglibatan dalam aktiviti advokasi untuk Agenda 2030, pada peringkat kebangsaan;
- Selain daripada mesyuarat yang dinyatakan, orang asal juga **digalakkan untuk memantau** senarai-emel dan laman web AP-

RCEM sentiasa kemaskini dengan perkembangan berkaitan isu-isu dan proses-proses Agenda 2030, khususnya pada peringkat rantau dan global;

- Menyediakan **laporan bertema peringkat rantau** setiap tahun atas tema dan matlamat yang dipilih untuk disemak oleh HLPF agar mencerminkan isu umum dan cadangan orang asal di rantau tersebut, dengan penekanan khusus kepada negara-negara yang telah menyertai Semakan Nasional Sukarela (VNR) di HLPF;
- Mengenalpasti **kembimbangan dan cadangan** utama orang asal di negara-negara yang menyertai Semakan Nasional Sukarela (VNR) dan untuk dibentangkan (termasuklah kekurangan konsultasi atau hasil pada peringkat nasional);
- Memberi **komen dan input** untuk laporan bertema peringkat antara-rantau untuk HKPF dan laporan-laporan dibawah VNR;
- **Bekerjasama** dengan Kumpula Utama yang lain serta organisasi masyarakat sivil untuk menjana sokongan untuk isu dan cadangan orang asal, termasuk mengenalpasti pendirian, pernyataan dan cadangan yang berkaitan.

Peta-jalan Asia Pasifik untuk Pembangunan Lestari

Hasil sesi-sesi rantau tersebut adalah sebuah **peta-jalan peringkat rantau**²⁰ untuk pelaksanaan Agenda 2030 di rantau Asia-Pasifik. Sebilangan isu bertema telah diketengahkan dalam peta-jalan tersebut termasuk janji agar tiada sesiapa ditinggalkan, pengurangan bencana, bekalan tenaga elektrik, infrastruktur dan keterhubungan untuk Agenda 2030. Ia mengandungi maklumat tentang ketersediaan data dan seruan untuk memperkasakan pejabat bancian nasional. Perkembangan peta-jalan tersebut akan disemak setiap tahun pada Forum Asia-Pasifik berkenaan Pembangunan Lestari. Orang asal tidak disebut secara nyata dalam peta-jalan tersebut, tetapi wanita dan ‘kumpulan terdedah’ disebut dibawah topik ‘tiada sesiapa ditinggalkan’.

5.4. Proses-proses global

Pada peringkat antarabangsa, susulan dan semakan SDG akan berlangsung sekali setahun pada Forum Politik Peringkat Tinggi (HLPF) yang diadakan di New York. HLPF tersebut terdiri daripada beberapa elemen:

- Semakan Nasional Sukarela (VNR) yang negara-negara boleh menyumbang kepada;
- Penekanan bertema dan semakan terperinci SDG untuk setiap kluster;
- Semakan keatas Langkah-langkah Pelaksanaan.

HLPF juga akan dimaklumkan dengan sebuah laporan antarabangsa oleh Setiausaha Agung PBB, yang akan membentangkan data statistik berdasarkan penanda-penanda global, dan satu Laporan Pembangunan Lestari Antarabangsang yang disusun oleh sistem-PBB.

²⁰ See the latest draft (as of 27 March, 2017) of the Regional Roadmap for Asia-Pacific here: http://www.unescap.org/sites/default/files/pre-ods/B1700338_Report%20No.%202_Rev.%201_E_replaced%2031%20Mar%2017.pdf

Hasil utama HLPF adalah sebuah **Deklarasi Ministerial** yang patut menangkap asas semua cadangan polisi yang diketengahkan semasa Forum tersebut dan merumuskan ia menjadi satu panduan untuk tindakan lanjutan.²¹ HLPF tidak akan memberi panduan atau cadangan untuk negara secara individu.

Landasan Maklumat Pembangunan Lestari mengandungi semua maklumat rasmi berkenaan proses FUR peringkat antarabangsa, termasuklah program Forum Politik Peringkat Tinggi yang akan datang dan laporan serta maklumat dari negara-negara yang telah melalui semakan nasional sukarela. Landasan tersebut juga mengandungi maklumat dan kenyataan dari sembilan Kumpulan Utama, termasuklah Kumpulan Utama Orang Asal. [Landasan Maklumat Pembangunan Lestari: https://sustainabledevelopment.un.org/](https://sustainabledevelopment.un.org/)

Orang asal boleh menyertai dan melibatkan diri dalam HLPF melalui Kumpulan Utama Orang Asal (IPMG). IPMG boleh membentangkan kenyataan dalam perbincangan umum, dan juga mengadakan aktiviti sampingan dan aktiviti selari lain yang berkaitan dengan Forum tersebut. Sebagai badan penasihat kepada Majlis Ekonomi dan Sosial PBB, Forum Kekal PBB berkenaan Isu Orang Asal juga boleh memberi unput berkenaan kebimbangan dan situasi orang asal kepada semakan bertema HLPF.

Antara elemen utama HLPF adalah Semakan Nasional Sukarela (VNR) yang disertai oleh sebilangan negara setiap tahun. VNR tersebut berdasarkan laporan dan pembentangan nasional yang disediakan oleh setiap negara, sebaik-baiknya dengan konsultasi bersana pemegang-taruh nasional yang relevan, termasuklah orang asal. Untuk mempengaruhi laporan ini, orang asal patut melibatkan diri dalam semakan nasional yang dilaksanakan oleh negara mereka sendiri.

²¹ http://www.humanrights.dk/sites/humanrights.dk/files/may_17_follow-up_and_review_sdg_docx.pdf

Pada **Sesi 2016 HLPF**, Forum Kekal PBB berkenaan Isu Orang Asal (UNPFII) memberi input kepada semakan bertema dan memberi penekanan kepada keperluan untuk memastikan orang asal tidak ketinggalan dalam pelaksanaan SDG. Juga, wakil-wakil IPMG melakukan beberapa tindakan campur tangan berkenaan cadangan-cadangan utama berkaitan dengan penglibatan berkesan orang asal pada peringkat nasional, pengasingan data berdasarkan etnik untuk sasaran dan penanda relevan, dan kerjasama dalam menyokong usaha dan inisiatif orang asal untuk, antara lain, pembangunan ditentukan-sendiri.

Menjelang April 2017, 44 negara telah mendaftarkan untuk VNR sesi 2017. Bangladesh, India, Indonesia, Japan, Malaysia, Nepal dan Thailand adalah antara negara yang akan melalui Semakan Nasional Sukarela pada Forum Politik Peringkat Tinggi 2017.

Aktiviti utama untuk orang asal menglibatkan diri dalam HLPF adalah seperti berikut:

- Menyediakan **laporan rantau bertema** setaip tahun berdasarkan tema dan matlamat yang dibincangkan pada tahun tersebut untuk mencerminkan isu-isu dan cadangan orang asal pada rantau tersebut, dengan tumpuan khas kepada negara-negara yang telah berjanji untuk melalui Semakan Nasional Sukarela pada HLPD;
- Mengenalpasti **perkara yang dipentingkan dan cadangan-cadangan** orang asal di rantau tersebut, dengan tumpuan kepada negara-negara yang melalui Semakan Nasional Sukarela (VNR);
- Memberi **komen dan input** kepada laporan awal rantau bertema untuk HLPF dan laporan-laporan negara-negara yang melalui VNR;
- **Bekerjasama** dengan Kumpula Utama yang lain serta organisasi masyarakat sivil untuk menjana sokongan untuk isu dan cadangan

orang asal, serta mengenalpasti pendirian, kenyataan dan cadangan yang berkaitan;

- **Menganjurkan mesyuarat** dengan pegawai kerajaan dan agensi yang berkenaan (cth. UN-ESCAP) dan pelaku pembangunan utama yang lain (agensis PBB, dll) untuk membawa perhatian perkara yang dipentingkan orang asal.




Rujukan dan bacaan lanjut

- Sustainable Development Goals - Indigenous Peoples in Focus, the International Labour Organization (ILO) 2016: http://www.ilo.org/wcms-sp5/groups/public/---ed_emp/---ifp_skills/documents/publication/wcms_503715.pdf
- Leave no one behind – SDGs and Indigenous Peoples animation video (available in 6 different languages, including English), Asia Indigenous Peoples Pact, 2016: <http://aippnet.org/leave-no-one-behind-sdgs-and-indigenous-peoples/>
- Indigenous Peoples Major Group’s Position Paper on the Proposed SDG Indicators: http://www.iwgia.org/iwgia_files_publications_files/0724_SDG_Indicators_Final_eb.pdf
- The Indigenous World, page 469 – 476, 2030 Agenda For Sustainable Development Goals, IWGIA 2016: http://www.iwgia.org/images/stories/sections/human-rights/IW2016/2030_Agenda_for_Sustainable_Development_Goals_IW2016_web_redu.pdf
- Transforming our World: The 2030 Agenda for sustainable Development, United Nations, 2015: <https://sustainabledevelopment.un.org/post2015/transformingourworld/publication>
- Indigenous Navigator: <http://www.indigenousnavigator.org/statistics/>
- Indigenous Peoples and the 2030 Agenda (UNPFII): <https://www.un.org/development/desa/indigenouspeoples/focus-areas/post-2015-agenda/the-sustainable-development-goals-sdgs-and-indigenous.html>
- The Human Rights Guide to the SDGs, Danish Institute for Human Rights: <http://sdg.humanrights.dk/>
- Human Rights in the Follow-Up and Review of the 2030 Agenda for Sustainable Development, Danish Institute for Human Rights, 2016: <https://www.humanrights.dk/what-we-do/sustainability/human-rights-sdgs/follow-review>

- Human Rights and Data, Danish Institute for Human Rights, 2016: https://www.humanrights.dk/sites/humanrights.dk/files/media/dokumenter/udgivelser/sdg/data_report_2016.pdf
- Summary Paper on Indigenous Peoples' Priorities in implementation of the 2030 Agenda in the Asia Region: http://iva.aippnet.org/wp-content/uploads/2016/04/IPs-Regional-Priorities_APFSD-2016_Final.pdf

Hubungan antara Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dengan Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Asal (UNDRIP)

(Dipetik daripada *Panduan Hak Asasi Manusia bagi Matlamat Pembangunan Lestari* yang dibentuk oleh Danish Institute for Human Rights, <http://sdg.humanrights.dk/en>)

Matlamat	
Sasaran SDG	Fasal/huraian yang berkaitan dalam UNDRIP
<p>Matlamat 1: Membasmi semua bentuk kemiskinan di mana-mana sahaja.</p>	
<p>1.1: Menjelang 2030, kemiskinan tegar dibasmi untuk semua orang, yang pada masa ini ditentukan sebagai orang yang hidup dengan kos USD1.25 sehari.</p> <p>Penanda: 1.1.1</p>	<p>20.1: Orang Asal berhak untuk mempertahankan dan mengembangkan sistem atau institusi politik, ekonomi dan sosial mereka, supaya penikmatan atas penghidupan dan pembangunan terjamin, serta bebas melibatkan diri dalam semua kegiatan tradisi dan ekonomi yang lain.</p>
	<p>20.2: Orang Asal yang dilucutkan daripada mendapatkan sumber sara diri dan pembangunan mereka adalah berhak untuk mendapat pampasan dan gantirugi yang adil dan saksama.</p>
<p>1.2: Menjelang 2030, mengurangkan sehingga separuh kadar lelaki, wanita dan kanak-kanak semua umur yang tinggal dalam semua bentuk kemiskinan berdasarkan definisi nasional.</p> <p>Penanda: 1.2.1, 1.2.2</p>	<p>20.1: Orang Asal berhak untuk mempertahankan dan mengembangkan sistem atau institusi politik, ekonomi dan sosial mereka, supaya penikmatan atas penghidupan dan pembangunan terjamin, serta bebas melibatkan diri dalam semua kegiatan tradisi dan ekonomi yang lain.</p>
	<p>20.2: Orang Asal yang dilucutkan daripada mendapatkan sumber sara diri dan pembangunan mereka adalah berhak untuk mendapat pampasan dan gantirugi yang adil dan saksama.</p>
<p>1.3: Laksanakan sistem dan kaedah perlindungan sosial yang bersesuaian, termasuk polisi-polisi minima, pada peringkat nasional untuk semua, dan menjelang 2030, mencapai liputan besar bagi yang miskin dan terdedah.</p> <p>Indicators: 1.3.1</p>	<p>21.1: Orang Asal mempunyai hak, tanpa diskriminasi untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial, termasuk antara lainnya, dalam bidang pendidikan, pekerjaan, latihan semula vokasional, perumahan, sanitasi, kesihatan dan keselamatan sosial.</p>

<p>1.4: Menjelang 2030, memastikan semua lelaki dan wanita, khususnya yang miskin dan terdedah, memperoleh hak yang saksama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada kemudahan asas, pemilikan dan kawalan tanah dan hartanah jenis lain, pewarisan, sumber asli, teknologi bersesuaian dan kemudahan kewangan, termasuk kewangan-mikro.</p>	<p>14.2: Individu Orang Asal terutamanya kanak-kanak berhak mendapatkan pendidikan di semua peringkat dan bentuk pendidikan yang diselenggarakan oleh Negara, tanpa diskriminasi.</p> <p>21.1: Orang Asal mempunyai hak, tanpa diskriminasi untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial, termasuk antara lainnya, dalam bidang pendidikan, pekerjaan, latihan semula vokasional, perumahan, sanitasi, kesihatan dan keselamatan sosial.</p> <p>21.2: Negara-negara mesti mengambil langkah-langkah yang efektif, dan jika perlu mengambil langkah-langkah khas untuk memastikan kemajuan dalam bidang ekonomi dan sosial secara berterusan. Tumpuan khas patut diberikan kepada hak dan keperluan khusus golongan warga tua, wanita, kaum muda, kanak-kanak dan golongan Orang Asal kurang upaya.</p> <p>24.2: Individu Orang Asal mempunyai hak yang sama rata untuk menikmati kesihatan fizikal dan mental ke tahap yang boleh dicapai. Negara-negara akan mengambil langkah-langkah yang perlu secara progresif untuk mencapai sepenuhnya hak ini.</p> <p>26.1: Orang Asal mempunyai hak atas tanah, wilayah dan sumber yang dimiliki atau diduduki oleh mereka secara tradisional atau digunakan atau diperolehi.</p> <p>39: Orang Asal berhak untuk mengakses bantuan kewangan dan teknikal daripada Negara-negara dan melalui kerjasama antarabangsa, untuk menikmati hak-hak yang termaktub dalam Deklarasi inia.</p>
<p>1.a: Pastikan kebolehergerakan banyak sumber-sumber dari pelbagai sumber, termasuk melalui kerjasama pembangunan dipertingkatkan, agar boleh membekalkan kaedah-kaedah yang cukup dan tekal, secara khususnya kepada negara yang kurang dibangun, untuk melaksanakan program dan polisi untuk membasmi semua sudut kemiskinan.</p> <p>Penanda: 1.a.1, 1.a.2</p>	<p>39: Orang Asal berhak untuk mengakses bantuan kewangan dan teknikal daripada Negara-negara dan melalui kerjasama antarabangsa, untuk menikmati hak-hak yang termaktub dalam Deklarasi ini.</p>

<p>1.b: Membentuk rangka polisi yang bijak pada peringkat nasional, serantau dan antarabangsa, berdasarkan strategi pembangunan yang bersifat pro-simiskin dan sensitif kepada isu gender, untuk menyokong pelaburan yang dipercepatkan dalam aksi pembasmian kemiskinan.</p> <p>Penanda: 2.1.1</p>	<p>38: Negara-negara dengan perundingan dan kerjasama dengan Orang Asal mesti mengambil langkah-langkah yang sepatutnya, termasuk tindakan undang-undang, untuk mencapai matlamat Deklarasi ini.</p>
<p>Matlamat 2: Menamatkan kebuluran, mencapai keselamatan makanan dan pemakanan yang lebih berkhasiat, serta menggalakkan pertanian lestari.</p> 	
<p>2.4: Menjelang 2030, memastikan sistem pengeluaran makanan yang lestari dan melaksanakan kaedah pertanian yang lebih tahan yang meningkatkan produktiviti dan pengeluaran, yang membantu memulihara ekosistem, serta memperkasakan kapasiti untuk menyesuaikan diri kepada perubahan iklim, cuaca keterlaluan, kemarau, banjir dan bencana yang lain serta yang meningkatkan kualiti dan kesuburan tanah.</p>	<p>29.1: Orang Asal berhak kepada pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar dan kemampuan produktif tanah atau wilayah dan sumber mereka. Negara-negara mesti menubuhkan dan menjalankan program-program bantuan untuk Orang Asal untuk pemuliharaan dan perlindungan, tanpa diskriminasi.</p>
<p>2.5: Menjelang 2020, mengekalkan kepelbagaian genetik benih-benihan, tumbuh-tani dan haiwan peliharaan dan domestik serta spesies liar yang berkaitan, termasuk melalui bank benih dan tumbuhan yang diurus dengan bijak pada peringkat nasional, serantau dan antarabangsa, dan untuk mempromosikan akses dan perkongsian saksama kepada faedah yang diperoleh serta berkaitan dengan pengetahuan tradisi, seperti yang dipersetujui pada peringkat antarabangsa.</p>	<p>31.1: Orang asal mempunyai hak untuk mempertahankan, mengawal, melindungi dan membangunkan warisan kebudayaan, pengetahuan tradisional dan ekspresi kebudayaan tradisional mereka, di samping manifestasi sains, teknologi dan budaya mereka, termasuk sumber genetik manusia dan sumber alam, benih, perubatan, pengetahuan berkenaan kekayaan flora dan fauna, tradisi lisan, kesusasteraan, rekabentuk, sukan dan permainan tradisi dan seni visual dan persembahan. Mereka juga berhak untuk mempertahankan, mengawal, melindungi dan membangunkan harta intelek ke atas warisan kebudayaan, pengetahuan tradisional, dan ekspresi budaya tradisi mereka.</p>

<p>Matlamat 3: Memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan untuk semua pada semua peringkat umur.</p>	
<p>3.1: Menjelang 2030, mengurangkan kadar kematian bayi sedunia kepada lebih kurang daripada 70 per 100,000 kelahiran.</p> <p>Penanda: 3.1.1, 3.1.2</p>	<p>7.1: Warga Orang Asal mempunyai hak untuk hidup, ketelusan fizikal dan mental, kebebasan dan keselamatan seseorang.</p>
	<p>24.1: Orang Asal berhak ke atas perubatan tradisional mereka dan untuk mempertahankan amalan kesihatan mereka termasuk pemuliharaan tumbuh-tumbuhan, haiwan, dan mineral. Individu Orang Asal juga memiliki hak ke atas akses, tanpa sebarang diskriminasi, atas semua perkhidmatan sosial dan kesihatan.</p>
	<p>24.2: Individu Orang Asal mempunyai hak yang sama rata untuk menikmati kesihatan fizikal dan mental ke tahap yang boleh dicapai. Negara-negara akan mengambil langkah-langkah yang perlu secara progresif untuk mencapai sepenuhnya hak ini.</p>
<p>3.2: Menjelang 2030, hentikan kematian bayi dan kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah yang boleh dielakkan, dengan semua negara bermatlamat untuk mengurangkan kadar kematian bayi baru lahir sehingga sekurang-kurangnya 12 per 1,000 kelahiran dan kadar kematian kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah sehingga 25 per 1,000.</p> <p>Penanda: 3.2.1, 3.2.2</p>	<p>7.1: Warga Orang Asal mempunyai hak untuk hidup, ketelusan fizikal dan mental, kebebasan dan keselamatan seseorang.</p>
	<p>24.1: Orang Asal berhak ke atas perubatan tradisional mereka dan untuk mempertahankan amalan kesihatan mereka termasuk pemuliharaan tumbuh-tumbuhan, haiwan, dan mineral. Individu Orang Asal juga memiliki hak ke atas akses, tanpa sebarang diskriminasi, atas semua perkhidmatan sosial dan kesihatan.</p>
	<p>24.2: Individu Orang Asal mempunyai hak yang sama rata untuk menikmati kesihatan fizikal dan mental ke tahap yang boleh dicapai. Negara-negara akan mengambil langkah-langkah yang perlu secara progresif untuk mencapai sepenuhnya hak ini.</p>




<p>3.3: Menjelang 2030, menamatkan wabak AIDS, turbekulosis, malaria dan penyakit tropika yang tidak diberi perhatian serta menangani hepatitis, penyakit disebarkan-air dan penyakit berjangkit yang lain.</p> <p>Penanda: 3.3.1, 3.3.2, 3.3.3, 3.3.4, 3.3.5</p>	<p>7.1: Warga Orang Asal mempunyai hak untuk hidup, ketelusan fizikal dan mental, kebebasan dan keselamatan seseorang.</p> <p>24.1: Orang Asal berhak ke atas perubahan tradisional mereka dan untuk mempertahankan amalan kesihatan mereka termasuk pemuliharaan tumbuh-tumbuhan, haiwan, dan mineral. Individu Orang Asal juga memiliki hak ke atas akses, tanpa sebarang diskriminasi, atas semua perkhidmatan sosial dan kesihatan.</p> <p>24.2: Individu Orang Asal mempunyai hak yang sama rata untuk menikmati kesihatan fizikal dan mental ke tahap yang boleh dicapai. Negara-negara akan mengambil langkah-langkah yang perlu secara progresif untuk mencapai sepenuhnya hak ini.</p>
<p>3.4: Menjelang 2030, mengurangkan kepada satu pertiga kematian disebabkan penyakit yang tidak berjangkit melalui pengelakkan dan pembedaan serta mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan mental.</p> <p>Penanda: 3.4.1, 3.4.2</p>	<p>7.1: Warga Orang Asal mempunyai hak untuk hidup, ketelusan fizikal dan mental, kebebasan dan keselamatan seseorang.</p> <p>24.1: Orang Asal berhak ke atas perubahan tradisional mereka dan untuk mempertahankan amalan kesihatan mereka termasuk pemuliharaan tumbuh-tumbuhan, haiwan, dan mineral. Individu Orang Asal juga memiliki hak ke atas akses, tanpa sebarang diskriminasi, atas semua perkhidmatan sosial dan kesihatan.</p> <p>24.2: Individu Orang Asal mempunyai hak yang sama rata untuk menikmati kesihatan fizikal dan mental ke tahap yang boleh dicapai. Negara-negara akan mengambil langkah-langkah yang perlu secara progresif untuk mencapai sepenuhnya hak ini.</p>
<p>3.6: Menjelang 2020, mengurangkan sehingga setengah kadar kematian serta kecederaan trafik.</p> <p>Penanda: 3.6.1</p>	<p>7.1: Warga Orang Asal mempunyai hak untuk hidup, ketelusan fizikal dan mental, kebebasan dan keselamatan seseorang.</p>
<p>3.8: Mencapai liputan khidmat kesihatan yang sejagat, termasuk perlindungan risiko kewangan, akses kepada khidmat kesihatan asas yang berkualiti dan akses kepada ubat asas yang selamat, efektif, berkualiti dan mampu milik untuk semua.</p>	<p>24.1: Orang Asal berhak ke atas perubahan tradisional mereka dan untuk mempertahankan amalan kesihatan mereka termasuk pemuliharaan tumbuh-tumbuhan, haiwan, dan mineral. Individu Orang Asal juga memiliki hak ke atas akses, tanpa sebarang diskriminasi, atas semua perkhidmatan sosial dan kesihatan</p> <p>24.2: Individu Orang Asal mempunyai hak yang sama rata untuk menikmati kesihatan fizikal dan mental ke tahap yang boleh dicapai. Negara-negara akan mengambil langkah-langkah yang perlu secara progresif untuk mencapai sepenuhnya hak ini.</p>

<p>3.9: Menjelang 2030, mengurangkan dengan banyak bilangan kematian dan penyakit yang berpunca daripada kimia berbahaya dan pencemaran udara, air dan tanah.</p> <p>Penanda: 3.9.1</p>	<p>7.1: Warga Orang Asal mempunyai hak untuk hidup, ketelusan fizikal dan mental, kebebasan dan keselamatan seseorang.</p>
	<p>29.2: Negara-negara akan mengambil langkah-langkah berkesan untuk memastikan tiada penyimpanan atau pembuangan bahan-bahan berbahaya ke atas tanah dan wilayah Orang Asal tanpa persetujuan, bebas dan telus dari mereka.</p>
	<p>29.3: Negara-negara juga akan mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk memastikan, jika diperlukan, program untuk pemantauan, pemeliharaan dan pemulihan kesihatan Orang Asal, seperti yang dibangunkan dan dilaksanakan oleh orang-orang yang menerima kesan daripada bahan tersebut, dilaksanakan dengan sewajarnya.</p>
<p>3.d: Memperkasakan kapasiti semua negara, dengan khususnya negara yang membangun, dari segi amaran awal, pengurangan risiko dan pengurusan risiko kesihatan nasional dan global.</p> <p>Penanda: 3.d.1</p>	<p>7.1: Warga Orang Asal mempunyai hak untuk hidup, ketelusan fizikal dan mental, kebebasan dan keselamatan seseorang.</p>
<p>Matlamat 4: Memastikan pendidikan yang inklusif dan saksama serta mempromosikan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.</p>	
	
<p>4.1: Menjelang 2030, memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki menamatkan pendidikan sekolah rendah dan menengah yang percuma, saksama dan berkualiti yang membawa kepada matlamat pembelajaran yang relevan dan efektif.</p> <p>Penanda: 4.1.1</p>	<p>14.1: Orang Asal berhak untuk membentuk dan mengawal sistem pendidikan dan institusi yang menyediakan pendidikan dalam bahasa mereka sendiri, dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan budaya mereka.</p>
	<p>14.2: Individu Orang Asal terutamanya kanak-kanak berhak mendapatkan pendidikan di semua peringkat dan bentuk pendidikan yang diselenggarakan oleh Negara, tanpa diskriminasi.</p>
	<p>14.3: Negara-negara mesti bersama-sama dengan Orang Asal mengambil langkah yang berkesan, agar Orang Asal, terutamanya kanak-kanak, termasuk mereka yang tinggal di luar komuniti mereka, untuk mengakses, bila mungkin, pendidikan dalam budaya mereka sendiri dan disediakan dalam bahasa mereka sendiri.</p>

<p>4.1: Menjelang 2030, memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki menamatkan pendidikan sekolah rendah dan menengah yang percuma, saksama dan berkualiti yang membawa kepada matlamat pembelajaran yang relevan dan efektif.</p> <p>Penanda: 4.1.1</p>	<p>15.1: Orang Asal berhak atas martabat dan kepelbagaian budaya, tradisi, sejarah, dan aspirasi mereka yang seharusnya digambarkan secara bersesuaian dalam pendidikan dan maklumat awam.</p>
<p>4.2: Menjelang 2030, memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki mempunyai akses kepada perkembangan awal kanak-kanak yang berkualiti, pengasuhan dan pendidikan pra-sekolah agar mereka sedia untuk pendidikan sekolah rendah.</p> <p>Penanda: 4.2.1, 4.2.2</p>	<p>14.1: Orang Asal berhak untuk membentuk dan mengawal sistem pendidikan dan institusi yang menyediakan pendidikan dalam bahasa mereka sendiri, dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan budaya mereka.</p>
	<p>14.2: Individu Orang Asal terutamanya kanak-kanak berhak mendapatkan pendidikan di semua peringkat dan bentuk pendidikan yang diselenggarakan oleh Negara, tanpa diskriminasi.</p>
	<p>14.3: Negara-negara mesti bersama-sama dengan Orang Asal mengambil langkah yang berkesan, agar Orang Asal, terutamanya kanak-kanak, termasuk mereka yang tinggal di luar komuniti mereka, untuk mengakses, bila mungkin, pendidikan dalam budaya mereka sendiri dan disediakan dalam bahasa mereka sendiri.</p>
<p>4.3: Menjelang 2030, memastikan akses yang saksama untuk semua wanita dan lelaki kepada pendidikan teknikal, vokasional dan tinggi yang berkualiti, termasuk universiti.</p> <p>Penanda: 4.3.1</p>	<p>21.1: Orang Asal mempunyai hak, tanpa diskriminasi untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial, termasuk antara lainnya, dalam bidang pendidikan, pekerjaan, latihan semula vokasional, perumahan, sanitasi, kesihatan dan keselamatan sosial.</p>
<p>4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan banyak bilangan belia dan orang dewasa yang mempunyai kemahiran relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional, untuk pekerjaan, pekerjaan baik dan keusahawanan.</p> <p>Penanda: 4.4.1</p>	<p>21.1: Orang Asal mempunyai hak, tanpa diskriminasi untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial, termasuk antara lainnya, dalam bidang pendidikan, pekerjaan, latihan semula vokasional, perumahan, sanitasi, kesihatan dan keselamatan sosial.</p>


<p>4.5: Menjelang 2030, menghapuskan ketaksamaan dalam pendidikan dan memastikan akses kepada semua peringkat pendidikan dan latihan vokasional bagi mereka yang terdedah, termasuk orang kurang upaya, orang asal dan kanak-kanak dalam situasi berisiko.</p> <p>Penanda: 4.5.1</p>	<p>14.1: Orang Asal berhak untuk membentuk dan mengawal sistem pendidikan dan institusi yang menyediakan pendidikan dalam bahasa mereka sendiri, dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan budaya mereka.</p> <p>14.2: Individu Orang Asal terutamanya kanak-kanak berhak mendapatkan pendidikan di semua peringkat dan bentuk pendidikan yang diselenggarakan oleh Negara, tanpa diskriminasi.</p> <p>14.3: Negara-negara mesti bersama-sama dengan Orang Asal mengambil langkah yang berkesan, agar Orang Asal, terutamanya kanak-kanak, termasuk mereka yang tinggal di luar komuniti mereka, untuk mengakses, bila mungkin, pendidikan dalam budaya mereka sendiri dan disediakan dalam bahasa mereka sendiri.</p>
<p>4.7: Menjelang 2030, pastikan semua pelajar memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mempromosi pembangunan lestari, termasuk, antara lain, pendidikan menyeluruh tentang pembangunan lestari dan cara-hidup lestari, hak asasi manusia, kesaksamaan gender, mempromosi budaya aman dan tanpa-keganasan, kewarganegaraan global, dan menghargai kepelbagaian budaya serta sumbangan budaya kepada pembangunan lestari.</p>	<p>15.1: Orang Asal berhak atas martabat dan kepelbagaian budaya, tradisi, sejarah, dan aspirasi mereka yang seharusnya digambarkan secara bersesuaian dalam pendidikan dan maklumat awam.</p>
<p>Matlamat 5: Mencapai kesaksamaan gender dan memperkasakan semua wanita dan perempuan.</p>	
	
<p>5.1: Menamatkan semua bentuk diskriminasi terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan di semua tempat.</p> <p>Penanda: 5.1.1</p>	<p>22.2: Negara-negara akan mengambil langkah-langkah, bersama-sama dengan Orang Asal, untuk memastikan bahawa wanita dan kanak-kanak Orang Asal menikmati perlindungan dan jaminan sepenuhnya dari sebarang bentuk keganasan dan diskriminasi.</p>
<p>5.2: Hapuskan semua bentuk keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan di lingkungan awam dan swasta, termasuk penyeludupan dan seksual serta bentuk eksploitasi yang lain.</p> <p>Penanda: 5.2.1, 5.2.2</p>	<p>22.2: Negara-negara akan mengambil langkah-langkah, bersama-sama dengan Orang Asal, untuk memastikan bahawa wanita dan kanak-kanak Orang Asal menikmati perlindungan dan jaminan sepenuhnya dari sebarang bentuk keganasan dan diskriminasi.</p>

<p>5.3: Hapuskan amalan-amalan yang memudaratkan, seperti perkahwinan kanak-kanak paksa dan awal serta pencacatan alat kelamin perempuan.</p> <p>Penanda: 5.3.1, 5.3.2</p>	<p>22.2: Negara-negara akan mengambil langkah-langkah, bersama-sama dengan Orang Asal, untuk memastikan bahawa wanita dan kanak-kanak Orang Asal menikmati perlindungan dan jaminan sepenuhnya dari sebarang bentuk keganasan dan diskriminasi.</p>
<p>Matlamat 6: Memastikan adanya air dan kemudahan sanitasi, yang diurus secara lestari, untuk semua.</p> 	
<p>6.3: Menjelang 2030, memperbaiki kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghentikan pembuangan dan meminimalkan kadar lepasan bahan dan kimia berbahaya, mengurangkan sehingga setengah kadar air kumbahan yang tidak dirawat serta meningkatkan dengan banyak pengitaran semua dan penggunaan semula yang selamat pada peringkat global.</p> <p>Penanda: 6.3.1, 6.3.2</p>	<p>29.2: Negara-negara akan mengambil langkah-langkah berkesan untuk memastikan tiada penyimpanan atau pembuangan bahan-bahan berbahaya ke atas tanah dan wilayah Orang Asal tanpa persetujuan, bebas dan telus dari mereka.</p>
<p>6.5: Menjelang 2030, melaksanakan pengurusan sumber air yang bersepadu pada semua peringkat, termasuk melalui kerjasama antara sempadan negara jika sesuai.</p>	<p>29.2: Negara-negara akan mengambil langkah-langkah berkesan untuk memastikan tiada penyimpanan atau pembuangan bahan-bahan berbahaya ke atas tanah dan wilayah Orang Asal tanpa persetujuan, bebas dan telus dari mereka.</p>
<p>6.6: Menjelang 2020, lindungi dan pulihara ekosistem perairan, termasuk gunung-ganang, hutan, payah bakau, sungai-sungai, akuifer dan tasik-tasik.</p> <p>Penanda: 6.6.1</p>	<p>29.1: Orang Asal berhak kepada pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar dan kemampuan produktif tanah atau wilayah dan sumber mereka. Negara-negara mesti menubuhkan dan menjalankan program-program bantuan untuk Orang Asal untuk pemuliharaan dan perlindungan, tanpa diskriminasi.</p>
<p>6.a: Menjelang 2030, mengembangkan kerjasama antarabangsa serta sokongan meningkatkan kapasiti negara membangun dalam aktiviti-aktiviti dan program berkaitan air dan sanitasi, termasuk pengumpulan air, penyahgaraman, kecekapan air, rawatan air kumbahan, dan teknologi pengitaran serta penggunaan semula.</p> <p>Penanda: 6.a.1</p>	<p>39: Orang Asal berhak untuk mengakses bantuan kewangan dan teknikal daripada Negara-negara dan melalui kerjasama antarabangsa, untuk menikmati hak-hak yang termaktub dalam Deklarasi ini.</p>

<p>6.b: Menyokong dan memperkasakan penglibatan komuniti tempatan dalam memperbaiki pengurusan air dan sanitasi.</p> <p>Penanda: 6.b.1</p>	<p>19: Kerajaan mesti berunding dan bekerjasama dengan Orang Asal melalui institusi-institusi perwakilan mereka sendiri agar mendapatkan persetujuan bebas melalui makluman yang cukup oleh mereka sebelum mengambil dan melaksanakan langkah-langkah perundangan atau pentadbiran yang mungkin memberik kesan kepada mereka.</p>
	<p>23: Orang Asal berhak menentukan dan menyusun keutamaan dan strategi untuk mengamalkan hak mereka ke atas pembangunan. Secara khasnya, Orang Asal berhak untuk terlibat secara aktif dalam membangunkan dan menentukan program kesihatan, perumahan dan ekonomi dan sosial yang memberi kesan kepada mereka, dan sejauh mungkin untuk mengelolakan program-program tersebut melalui institusi mereka sendiri.</p>
	<p>32.2: Negara-negara mesti berunding dan bekerjasama atas dasar kepercayaan dengan Orang Asal melalui institusi perwakilan mereka sendiri dalam hasrat mendapatkan persetujuan bebas yang diberikan oleh Orang Asal sebelum meluluskan sebarang projek-projek yang memberikan kesan atas tanah-tanah atau wilayah dan sumber Orang Asal yang lainnya, terutama yang berkaitan dengan pembangunan, penggunaan atau eksploitasi mineral, air atau sumber lain.</p>
<p>Matlamat 7: Memastikan akses kepada tenaga yang mampu milik, boleh diharap, mampan dan moden untuk semua.</p> 	
<p>7.1: Menjelang 2030, Memastikan akses kepada tenaga yang mampu milik, boleh diharap, mampan dan moden.</p> <p>Penanda: 7.1.1, 7.1.2</p>	<p>21.1: Orang Asal mempunyai hak, tanpa diskriminasi untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial, termasuk antara lainnya, dalam bidang pendidikan, pekerjaan, latihan semula vokasional, perumahan, sanitasi, kesihatan dan keselamatan sosial.</p>
	<p>22.2: Negara-negara perlu mengambil langkah-langkah, bersama-sama dengan Orang Asal, untuk memastikan bahawa wanita dan kanak-kanak Orang Asal menikmati perlindungan dan jaminan sepenuhnya dari sebarang bentuk keganasan dan diskriminasi.</p>

<p>7.b: Menjalang 2030, mengembangkan infrastruktur dan menaik-taraf teknologi untuk membekalkan perkhidmatan tenaga yang moden dan lestari untuk semua negara membangun, dengan khusus negara paling kurang membangun, negara pulau membangun dan negara membangun yang dikelilingi daratan, selaras dengan program sokongan mereka.</p>	<p>21.1: Orang Asal mempunyai hak, tanpa diskriminasi untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial, termasuk antara lainnya, dalam bidang pendidikan, pekerjaan, latihan semula vokasional, perumahan, sanitasi, kesihatan dan keselamatan sosial.</p> <p>32.2: Negara-negara mesti berunding dan bekerjasama atas dasar kepercayaan dengan Orang Asal melalui institusi perwakilan mereka sendiri dalam hasrat mendapatkan persetujuan bebas yang diberikan oleh Orang Asal sebelum meluluskan sebarang projek-projek yang memberikan kesan atas tanah-tanah atau wilayah dan sumber Orang Asal yang lainnya, terutama yang berkaitan dengan pembangunan, penggunaan atau eksploitasi mineral, air atau sumber lain.</p>
<p>Matlamat 8: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang berkekalan, inklusif dan mampan, penggajian yang penuh dan produktif serta pekerjaan yang memuaskan untuk semua.</p>	
<p>8.5: Menjelang 2030, mencapai kadar pekerjaan yang menyeluruh dan produktif serta pekerjaan yang memuaskan untuk wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, dan gaji yang saksama berdasarkan nilai pekerjaan.</p> <p>Penanda: 8.5.1, 8.5.2</p>	<p>17.3: Individu Orang Asal mempunyai hak untuk tidak dijadikan bahan kepada sebarang keadaan yang berbentuk diskriminasi sama ada hal buruh kasar dan antara lainnya, pekerjaan atau gaji.</p>
<p>8.6: Menjelang 2020, mengurangkan dengan banyak kadar belia yang tiada dalam pekerjaan, pelajaran atau latihan.</p> <p>Penanda: 8.6.1</p>	<p>17.3: Individu Orang Asal mempunyai hak untuk tidak dijadikan bahan kepada sebarang keadaan yang berbentuk diskriminasi sama ada hal buruh kasar dan antara lainnya, pekerjaan atau gaji.</p>
<p>8.7: Mengambil tindakan segera dan effective untuk menghapuskan buruh paksa, menamatkan penghambaan moden dan penyeludupan manusia serta memastikan larangan dan penghapusan bentuk terburuk buruh kanak-kanak, termasuk pengambilan dan penggunaan askar kanak-kanak, dan menjelang 2025 menamatkan semua bentuk buruh kanak-kanak.</p> <p>Penanda: 8.7.1</p>	<p>17.2: Negara-negara, melalui perundingan dan kerjasama dengan Orang Asal, akan mengambil langkah-langkah khusus untuk melindungi kanak-kanak Orang Asal dari eksploitasi ekonomi dan dari setiap bentuk pekerjaan yang mendatangkan keburukan atau mengganggu pendidikan kanak-kanak, atau menjejaskan kesihatan fizikal, mental, kerohanian, moral atau perkembangan sosial kanak-kanak tersebut, dengan mempertimbangan keadaan mereka yang mudah terpengaruh dan kepentingan pendidikan untuk memperkasakan mereka.</p>



<p>8.9: Menjelang 2030, membentuk dan melaksanakan polisi-polisi untuk menggalakkan pelancongan lestari yang menjana pekerjaan dan mempromosikan produk dan budaya tempatan.</p>	<p>11.1: Orang Asal mempunyai hak untuk mengamalkan dan menggiatkan semula tradisi budaya dan adat resam mereka. Ini termasuk hak untuk mempertahankan, melindungi dan mengembangkan kebudayaan mereka di masa lalu, kini dan manifestasi yang akan datang, seperti tapak arkeologi dan sejarah, artifak-artifak, rekabentuk, upacara-uparaca, teknologi, seni visual dan seni persembahan dan kesusasteraan.</p>
	<p>11.2: Negara-negara akan melakukan pemulihan melalui mekanisme yang berkesan termasuk penggantian semula (restitusi), yang dibangunkan bersama dengan Orang Asal, yang berkaitan dengan kekayaan budaya, intelektual, keagamaan dan spiritual mereka, yang telah diambil tanpa kebenaran berasaskan maklumat awal, bebas dan telus dari mereka, atau yang melanggar hukum-hukum, tradisi dan adat mereka.</p>
	<p>12.1: Orang Asal mempunyai hak untuk menonjolkan, mengamalkan, membangun dan mengajar tradisi, adat dan upacara spiritual dan keagamaan mereka; hak untuk mempertahankan, melindungi, dan mempunyai akses dengan kebersendirian untuk tapak keagamaan dan budaya mereka; hak menggunakan dan mengawal objek dan peralatan upacara mereka; dan hak akan repatriasi jasad manusia mereka.</p>
	<p>31.1: Orang asal mempunyai hak untuk mempertahankan, mengawal, melindungi dan membangunkan warisan kebudayaan, pengetahuan tradisional dan ekspresi kebudayaan tradisional mereka, di samping manifestasi sains, teknologi dan budaya mereka, termasuk sumber genetik manusia dan sumber alam, benih, perubatan, pengetahuan berkenaan kekayaan flora dan fauna, tradisi lisan, kesusasteraan, rekabentuk, sukan dan permainan tradisi dan seni visual dan persembahan. Mereka juga berhak untuk mempertahankan, mengawal, melindungi dan membangunkan harta intelek ke atas warisan kebudayaan, pengetahuan tradisional, dan ekspresi budaya tradisi mereka.</p>
<p>Matlamat 9: Membina infrastruktur yang berdaya tahan, menggalakkan perindustrian yang inklusif dan mampan serta menggalakkan inovasi.</p> <div style="text-align: right;">  </div>	

<p>9.1: Membentuk infrastruktur yang berkualiti, boleh diharap, mampan dan tahan, termasuklah infrastruktur serantau dan antara-sempadan, untuk menyokong perkembangan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan kepada akses yang mampu milik dan saksama untuk semua.</p> <p>Penanda: 9.1.1, 9.1.2</p>	<p>32.2: Negara-negara mesti berunding dan bekerjasama atas dasar kepercayaan dengan Orang Asal melalui institusi perwakilan mereka sendiri dalam hasrat mendapatkan persetujuan bebas yang diberikan oleh Orang Asal sebelum meluluskan sebarang projek-projek yang memberikan kesan atas tanah-tanah atau wilayah dan sumber Orang Asal yang lainnya, terutama yang berkaitan dengan pembangunan, penggunaan atau eksploitasi mineral, air atau sumber lain.</p>
<p>Matlamat 10: Mengurangkan ketidaksamaan dalam dan antara negara.</p> 	
<p>10.1: Menjelang 2030, mencapai secara progresif dan mengekalkan kadar pendapatan yang lebih tinggi dari purata nasional untuk populasi yang berada pada 40 peratus yang paling rendah.</p> <p>Penanda: 10.1.1</p>	<p>20.1: Orang Asal berhak untuk mempertahankan dan mengembangkan sistem atau institusi politik, ekonomi dan sosial mereka, supaya penikmatan atas penghidupan dan pembangunan terjamin, serta bebas melibatkan diri dalam semua kegiatan tradisi dan ekonomi yang lain.</p> <p>20.2: Orang Asal yang dilucutkan daripada mendapatkan sumber sara diri dan pembangunan mereka adalah berhak untuk mendapat pampasan dan gantirugi yang adil dan saksama.</p> <p>21.1: Orang Asal mempunyai hak, tanpa diskriminasi untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial, termasuk antara lainnya, dalam bidang pendidikan, pekerjaan, latihan semula vokasional, perumahan, sanitasi, kesihatan dan keselamatan sosial.</p>
<p>10.2: Menjelang 2030, memperkasakan dan menggalakkan rangkuman ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, kekurangan upaya, kaum, etnik, asal, agama atau status ekonomil atau status lain.</p> <p>Penanda: 10.2.1</p>	<p>3: Orang Asal mempunyai hak menentukan pilihan sendiri. Berdasarkan hak tersebut, mereka secara bebas menentukan status politik dan bebas mengejar pembangunan ekonomi, sosial dan budaya mereka.</p> <p>5: Orang Asal mempunyai hak untuk mempertahankan dan memperkuat institusi-institusi politik, undang-undang, ekonomi, sosial dan budaya mereka yang tersendiri, tapi pada masa yang sama mengekalkan hak mereka untuk menyertai sepenuhnya, jika mereka memilih, dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan budaya Negara-negara.</p>

<p>10.2: Menjelang 2030, memperkasakan dan menggalakkan rangkuman ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, kekurangan upaya, kaum, etnik, asal, agama atau status ekonomil atau status lain.</p> <p>Penanda: 10.2.1</p>	<p>15.2: Negara-negara akan mengambil langkah-langkah yang berkesan, melalui perundingan dan kerjasama dengan Orang Asal yang telibat, untuk melawan prasangka dan menghapuskan diskriminasi dan untuk mempromosikan toleransi, persefahaman dan hubungan yang baik antara Orang Asal dengan semua kelompok masyarakat yang lain.</p>
	<p>20.1: Orang Asal berhak untuk mempertahankan dan mengembangkan sistem atau institusi politik, ekonomi dan sosial mereka, supaya penikmatan atas penghidupan dan pembangunan terjamin, serta bebas melibatkan diri dalam semua kegiatan tradisi dan ekonomi yang lain.</p>
	<p>20.2: Orang Asal yang dilucutkan daripada mendapatkan sumber sara diri dan pembangunan mereka adalah berhak untuk mendapat pampasan dan gantirugi yang adil dan saksama.</p>
	<p>21.1: Orang Asal mempunyai hak, tanpa diskriminasi untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial, termasuk antara lainnya, dalam bidang pendidikan, pekerjaan, latihan semula vokasional, perumahan, sanitasi, kesihatan dan keselamatan sosial.</p>
	<p>21.2: Negara-negara mesti mengambil langkah-langkah yang efektif, dan jika perlu mengambil langkah-langkah khas untuk memastikan kemajuan dalam bidang ekonomi dan sosial secara berterusan. Tumpuan khas patut diberikan kepada hak dan keperluan khusus golongan warga tua, wanita, kaum muda, kanak-kanak dan golongan Orang Asal kurang upaya.</p>
